

Jabatan Antropologi dan Sosiologi
No. Kolej:
No Perolehan:
Tarikh: 8/4/82

RANCANGAN TANAH BELIA KHAS PERLOP II (RTB II)

LASAH, SUNGAI SIPUT (U) PERAK

SATU PENILAIAN SOSIO-EKONOMI

ROZAZAT RAMLI

No. Matrik: 46244

Latihan Ilmiah

Bagi Memenuhi Sebahagian
Daripada Syarat-syarat Untuk
Ijazah Sarjana Muda Sastera

JABATAN ANTROPOLOGI DAN SOSIOLOGI

UNIVERSITI MALAYA

KUALA LUMPUR

1986/1987

PENGHARGAAN

Proses menyiapkan kajian ini tidak merupakan usaha yang mudah, lantaran itu pengkaji ingin menyatakan penghargaan di atas kerjasama sokongan, dorongan serta tunjuk ajar yang telah diberikan oleh mereka yang terbabit, di antara mereka yang dapat disebutkan ialah Prof. Madya. Dr. Rokiah Talib, Pensyarah Anthropologi dan Sosiologi, Universiti Malaya, Encik Muchtar Sulai, Pengarah RTB Perak, Encik Nadtri, Pengurus Besar RTB Lasah, Encik Din, Penyelia RTB II, Encik Megat, bekas wakil peserta, ASP Affandi dan Encik Sulaiman yang membantu pengkaji menjalankan 'Fieldwork', wakil peserta dan para responden.

Penghargaan juga kepada Kak Mon dari Rancangan Penulisan Kreatif dan Deskriptif, Universiti Malaya yang menaipkan latihan ilmiah ini.

Akhir sekali kepada kaum keluarga, sahabat dan rakan-rakan yang telah memberi dorongan kepada pengkaji dalam menyiapkan latihan ini.

Kepada mereka semua, jutaan terima kasih atas kerjasama yang telah diberikan.

Universiti Malaya

20.3.1987

DAFTAR KANDUNGAN

	<u>Halaman</u>
PETA	i
PENGHARGAAN	iv
JADUAL	viii
CARTA	x
DIAGRAM	xi
GAMBAR	xii
SENARAI LAMPIRAN	xiii
SINGKATAN YANG DIGUNAKAN	xiv
SINOPSIS	xv
 BAB 1 PENDAHULUAN	
1.1 Tujuan Kajian	1
1.2 Bidang Kajian	4
1.3 Kaedah Penyelidikan	6
1.4 Masalah Kajian	8
1.5 Sampling	11
1.6 Konsep	12
1. Konsep Pembangunan	12
2. Pembangunan Komuniti	13
3. Peserta	14
1.7 Teori	14
1. Teori Pergerakan Pencapaian	14
2. Teori Pengurusan	15
3. Teori Pembangunan	16

Halaman**BAB 2 LATAR BELAKANG UMUM KAWASAN**

2.1	Latar Belakang Kawasan	18
2.2	Program Pembangunan Tanah Kerajaan Negeri	22
2.3	Penubuhan Rancangan Tanah Belia Perak	25
2.4	Sebab-sebab Penubuhan RTB	26
1.	Sosial	26
2.	Ekonomi	28
3.	Politik	30
4.	Keselamatan	31
5.	Mencegah Penerokaan Secara Haram	31
2.5	Pemilihan dan Syarat-syarat Pemilihan	31
2.6	Latar Belakang Peserta	33
1.	Tempat Asal	33
2.	Umur	35
3.	Status Perkahwinan	35
4.	Tingkat Pelajaran	38
5.	Tanggungan	38
6.	Keluasan Tanah	40
7.	Hubungan Keluasan Tanah Dengan Keluarga	41
8.	Tujuan Ke RTB	42
9.	Pekerjaan Sebelum Menyertai RTB	43
10.	Pendapatan Sebelum Menyertai RTB	45
11.	Dorongan Menyertai RTB	46
12.	Maklumat Mengenai RTB	47
13.	Kecenderungan Politik	48

BAB 3 STRUKTUR DAN ORGANISASI RTB II

3.1	Struktur Pentadbiran Pihak Berkuasa	50
3.2	Struktur Pentadbiran Pihak Pengurusan	55
3.3	Penelitian Struktur Pentadbiran RTB II	58
3.4	Kepimpinan Peringkat Bawah	62
3.5	Perwakilan Peserta	64
3.6	Badan-badan Lain Yang Terlibat Dengan RTB	64
3.7	Pembangunan Rancangan Tanah Belia	65
1.	Pembangunan Awal RTB (II)	65
2.	Pelaksanaan RTB II	66

Halaman

3.8 Sistem Kerja di RTB II	66
1. Sistem Kolektif/Roll Call	67
2. Sistem Blok	68
i. Mogok 1973	69
ii. Krisis Peserta dan Pentadbir	70
3. Sistem 70-30	72
 BAB 4 PENILAIAN SOSIO-EKONOMI RTB II	
4.1 Analisa Kos dan Faedah RTB II	74
4.2 Analisa Kos DBB dan TBB Untuk RTB II	75
4.3 Kos Untuk Satu Tahun (1983)	80
4.4 Analisa Pengeluaran dan Hasil	80
4.5 Analisa Purata Pengeluaran Seekar RTB II	85
4.6 Pendapatan Peserta	89
4.7 Pendapatan Tambahan	91
4.8 Pendapatan Dianggap Mencukupi Bagi Peserta	93
4.9 Analisa Perbelanjaan	98
4.10 Hubungan Perbelanjaan Dengan Keluarga dan Pendapatan	99
4.11 Pemilikan Barang Tahan Lama	99
4.12 Tabungan	102
4.13 Guna tenaga Di RTB II	102
4.14 Kemudahan Sosial dan Infrastruktur	107
4.15 Pembangunan Komuniti	108
 BAB 5 KESIMPULAN	
5.1 Rumusan dan Kesimpulan	116
5.2 Cadangan	116
LAMPIRAN	121
BIBLIOGRAFI	136
SOAL SELIDIK	139

JADUAL

<u>JADUAL</u>		<u>Halaman</u>
1 Kedudukan RTB, Perlop, Lasah, Sg. Siput		21
2 Kedudukan RTB, Perak	24
3 Tempat Asal Peserta	33
4 Umur Peserta	35
5 Status Perkahwinan	36
6 Tahun Perkahwinan	37
7 Tingkat Pelajaran	38
8 Keluarga Asal (Orientasi)	39
9 Keluarga Sendiri (Prokriasi)	40
10 Keluasan Tanah	41
11 Korelasi Keluasan Tanah Dengan Keluarga Asal	42
12 Tujuan Menyertai RTB	43
13 Pekerjaan Sebelum Ke RTB II	44
14 Pendapatan Sebelum Menyertai RTB II	45
15 Dorongan Menyertai RTB II	46
16 Maklumat Diperolehi Mengenai RTB II	47
17 Kecenderungan Politik	48
18 Perbandingan Purata Pengeluaran RTB II & FELDA	86
19 Pendapatan Permulaan Peserta	89
20 Perbandingan Pendapatan Responden	90
21 Pendapatan Tambahan	91
22 Pendapatan Tambahan Mengikut Sumber	93

	<u>JADUAL</u>		<u>Halaman</u>
23	Pendapatan Memadai	95
24	Korelasi Pendapatan Dengan Keluarga	96
25	Kadar Perbelanjaan Peserta	98
26	Pemilikan Barang Tahan Lama	100
27	Tabungan	102
28	Bilangan Peserta di RTB II	103
29	Kedudukan Responden Yang Keluar dan Kembali		103
30	Pekerjaan dan Pendapatan Semasa Keluar Dari RTB II	105

CARTA

<u>CARTA</u>		<u>Halaman</u>
1 Organisasi RTB Perak	54
2 Organisasi RTB II, Pelop, Lasah	56
3 Kedudukan Peserta Di RTB II	106

DIAGRAM

<u>DIAGRAM</u>		<u>Halaman</u>
1	Pengeluaran Kelapa Sawit RTB II	83
2	Perbandingan Purata Pengeluaran RTB II Dengan GELDA	88
3	Perbandingan Pendapatan Peserta	92

GAMBAR

<u>GAMBAR</u>		<u>Halaman</u>
1	Rumah Asal/Telah Ditinggalkan	101
2	Rumah Yang Telah Diubahsuai	101
3	Bangunan Tambahan Sekolah	109
4	Kemudahan Pengangkutan Persekolahan	109

SENARAI LAMPIRANHalaman

LAMPIRAN 1	Surat Kebenaran Menjalankan Kajian/Mendapatkan Data	121
LAMPIRAN 2	Strategi Pembangunan Tanah di Malaysia	122
LAMPIRAN 3	Waran Tangkap	123
LAMPIRAN 4	Surat Permohonan Peguan	125
LAMPIRAN 5	Peruntukan Bagi RTB, Perak (1970-1985)	129
LAMPIRAN 6	Peruntukan Bagi RTB (II) (1983)	130
LAMPIRAN 7	Kedudukan Pengeluaran dan Hasil Kelapa Sawit RTB II	131
LAMPIRAN 8	Paras Harga Kelapa Sawit Mengikut Bulan	133
LAMPIRAN 9	Keratan Akhbar - Berita Harian	134
LAMPIRAN 10	Keratan Akbhar - Berita Harian	135

SINGKATAN YANG DIGUNAKAN

DBB	Kos Dibayar Balik
DAP	Democratic Action Party
FELDA	Dederal Land Development Authority
PAS	Parti Islam SeMalaysia
RM 1	Rancangan Malaysia Pertama (1966-1970)
RM 2	Rancangan Malaysia Kedua (1971-1975)
RM 3	Rancangan Malaysia Ketiga (1976-1980)
RTB	Rancangan Tanah Belia Perak
RTB II	Rancangan Tanah Belia Perlop II, Lasah
TDB	Kos Tidak Bayar Balik
UMNO	United Malays Nationalis Organization

SINOPSIS

Kajian telah dijalankan ke atas Rancangan Tanah Belia Perlop II, Lasah, Sg. Siput (U) Perak dari sudut sosio-ekonomi. Kajian dilakukan mengikut rangka penyelidikan sosiologi melalui field-work dan kaedah-kaedah utama dalam sosiologi, keseluruhan kajian dibahagikan kepada beberapa bab.

BAB 1

Merangkumi aspek rangka penyelidikan meliputi tujuan, bidang kajian, method, masalah dan sampling. Ia membolehkan kajian ini bersifat sosiologis. bab ini juga mengandungi konsep dan teori yang digunakan dalam menjelaskan sesuatu fenomena.

BAB 2

Meliputi aspek latar belakang kawasan kajian, penubuhan Rancangan Tanah Belia dan latar belakang peserta dan bagaimana aspek latar belakang tersebut dapat menjelaskan tujuan dan matlamat yang hendak dicapai dalam kajian.

BAB 3

Penelitian ke atas struktur pentadbiran, badan-badan yang terlibat dalam pentadbiran dan bagaimana pengkaji cuba menguji hipotesis yang telah dibuat dan juga bab ini menjelaskan aspek perjalanan RTB.

BAB 4

Penilaian ke atas kemajuan sosio-ekonomi dilihat dari sudut produktiviti yang dikaitkan dengan sikap peserta dan pentadbiran, aspek lain berhubung 'indikator' ekonomi seperti pendapatan, perbelanjaan, pekerjaan serta indikator sosial seperti kemudahan asas dan infrastruktur serta pembentukan komuniti dikaji dan bagaimana aspek sosio-ekonomi tersebut dilihat dalam hubungan dengan kebenaran hipotesis yang dibuat iaitu 'kejayaan RTB II berkait rapat dengan kelincinan pentadbiran'.

BAB 5

Merupakan rumusan dan kesimpulan dari kajian, penemuan-penemuan yang didapati serta beberapa cadangan yang relevan dan praktikal untuk memperbaiki keadaan di RTB II.

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Tujuan Kajian

Kajian ke atas Rancangan Tanah Belia, Perlop II (RTB II) bercorak penilaian sosio-ekonomi, iaitu satu penilaian ke atas rancangan pembangunan tanah yang telah dijalankan oleh kerajaan negeri sebagai satu strategi ke arah pembangunan negara, program pembangunan tanah secara berancang dan besar-besaran merupakan satu pendekatan praktik ke arah pembangunan di mana keutamaan terhadap program pembukaan tanah telah dinyatakan dengan jelas dalam Rancangan Malaysia Kedua (RMK, 1971-1975).

"Pembukaan tanah akan terus menjadi matlamat utama kerajaan dalam usaha ke arah pembangunan dalam bidang pertanian."

(RMK, 1971: 246)

Sebagai satu rancangan pembangunan, Rancangan Tanah Belia (RTB) mempunyai objektif, matlamat dan garis kasar pelaksanaan untuk mengatasi masalah kaum belia terutama masalah pengangguran dan guna tenaga tidak penuh, di Perak khasnya terdapat seramai lebih kurang 16,000 penuntut tercicir selepas menamatkan persekolahan setiap tahun. (Pejabat RTB, Ipoh), ramai di antara mereka berhijrah ke bandar untuk mendapatkan pekerjaan dan sebilangan besar yang gagal mendapat pekerjaan terpaksa menganggur, menyedari hakikat

ini kerajaan negeri bersetuju untuk membuka tanah-tanah kerajaan yang sesuai untuk belia, matlamat penubuhan rancangan tanah tersebut ialah:

- (1) Mengatasi masalah pengangguran di kalangan belia di negeri Perak,
- (2) Menggunakan tanah terbiar untuk tanaman kelapa sawit, getah dan padi yang mana sesuai jika tidak digunakan akan merugikan,
- (3) Untuk menanam semangat berdikari di kalangan belia dan memberi pekerjaan kepada belia luar bandar,
- (4) Mengurangkan penghijrahan belia ke bandar.

(Pejabat RTB, Ipoh)

Melalui penubuhan RTB, kerajaan berharap masalah kaum belia dapat diatasi, ini dilakukan dengan menyediakan persekitaran sosio-ekonomi yang sesuai untuk membolehkan mereka mencapai "standard of living" yang lebih baik.

Persoalan utama yang timbul ialah sama ada penubuhan RTB telah mencapai matlamatnya, terdapat kritikan bahawa RTB adalah merupakan skim yang "sub-standard" jika dibandingkan dengan skim pembangunan tanah oleh FELDA (Federal Land Development Authority) di mana strategi "high cost FELDA" merupakan cara terbaik mencapai tujuan pembangunan (Lim, 1976, m.s. 12).

Matlamat RTB untuk mencapai pertumbuhan ekonomi dan perubahan sosial akan hanya dapat dipastikan kejayaannya melalui kajian dan penganalisaan terperinci objektif, strategi dan pelaksanaan RTB untuk membolehkan satu penilaian sosio-ekonomi dilakukan, dan untuk tujuan tersebut pengkaji telah memilih RTB II untuk dikaji kejayaan walaupun hasil kajian tidak dapat digeneralisasikan ke atas keseluruhan RTB yang lain, tambahan pula tidak banyak kajian ilmiah dilakukan ke atas RTB sebelum ini, hasil dari kajian tersebut, kita akan dapat mengetahui keberkesanan RTB sebagai satu strategi ke arah pembangunan.

Kesan daripada kajian akan dapat menjelaskan "made of land development" dan menunjukkan apakah peranan kerajaan negeri yang lebih berkesan dalam usaha mencapai kejayaan RTB, keadaan ini penting dalam usaha menambah peluang pekerjaan kepada golongan belia seberapa banyak yang mungkin dan menghasilkan saiz pemilikan tanah yang ekonomik bagi pengeluaran yang memuaskan untuk pendapatan kepada belia dan ini akan dapat mempertingkatkan kedudukan sosio-ekonomi mereka.

Matlamat meningkatkan kedudukan sosio-ekonomi belia melalui penyertaan dalam RTB tidak merupakan satu harapan semata-mata sekiranya segala proses dan pelaksanaan rancangan berjalan lancar. sebagai satu rancangan tanah, ia berkait dengan perubahan berancang iaitu:

"Satu proses di mana perubahan berlaku hasil dari usaha sedar manusia untuk mencapai sesuatu matlamat mengikut rencana-rencana tertentu."

(Shamsul Amri, 1977, m.s. 2)

Sebagai satu projek berancang, ia melibatkan pembuat dasar, pelaksana dasar dan belia sendiri, oleh itu peranan organisasi pentadbiran dalam menentukan arah dan haluan RTB sangatlah penting, di sinilah terletaknya hipotesis pengkaji,

"Kejayaan RTB (II) berkait rapat dengan kelincinan pentadbiran" keadaan ini dapat difahami lantaran RTB telah dianggap satu rancangan berbentuk politik di mana segala dasar dan polisi dibentuk oleh pemimpin politik negeri untuk dilaksanakan oleh Jabatan Pertanian yang diberi tanggungjawab menjalankan RTB, benar atau tidak hipotesis tersebut akan ditentukan dalam pelaksanaan RTB dan kesan pelaksanaan ke atas kejayaan RTB dilihat dari sudut sosio-ekonomi.

1.2 Bidang Kajian

Kajian dilakukan ke atas RTB II di mana dengan jumlah penduduk dan keluasan yang kecil, membolehkan penganalisaan yang kualitatif dapat dilakukan, skop kajian merangkumi aspek kedudukan sosio-ekonomi peserta setelah rancangan tersebut berjalan selama 17 tahun bermula dari tahun 1969 hingga pada tahun kajian dijalankan (1986). Sama ada terdapat peningkatan dan perubahan dalam hidup mereka jika

dibandingkan dengan kedudukan mereka semasa di kampung. Petunjuk ekonomi seperti pendapatan, perbelanjaan, tabungan, pemilikan tanah serta sosial seperti kemudahan infrastruktur dan kemudahan asas akan dijadikan "indikator" kepada kejayaan matlamat RTB untuk mengatasi masalah kaum belia.

Rancangan Tanah Belia pada dasarnya adalah untuk memperbaiki kedudukan belia, jika dilihat dari sudut 'commercial', ia adalah sangat penting kerana dari sudut faedah dari pelaburan dalam pembangunan tanah dan pulangan dari pelaburan tersebut merupakan modal pusingan dalam pengendalian Rancangan Tanah Belia, ini adalah kerana sumber pembiayaan adalah dari kerajaan negeri yang mengharapkan pulangan dari pelaburannya untuk membiayai Rancangan Tanah Belia, keberkesanan pembangunan tanah dipastikan dari pulangan pelaburan, dan dari sudut ekonomi juga, pendapatan keluarga merupakan kriteria utama dalam menentukan pembahagian sumber ke atas skim Rancangan Tanah Belia, produktiviti, kegunaan buruh dan tanah sebagai faktor pengeluaran adalah penting untuk dikaji dalam menentukan kejayaan RTB dari sudut ekonomi. Walau bagaimanapun ini tidak bermakna kejayaan dan keuntungan RTB dilihat dari sudut pulangan pelaburan dan "profit margin" semata-mata tetapi juga dalam peningkatan "social well being" peserta. Oleh itu skop kajian akan menekankan bagaimana keuntungan keseluruhan RTB akan dinikmati bersama melalui peningkatan sosio-ekonomi mereka.

Skop kajian juga meliputi struktur dan organisasi pentadbiran serta peranan mereka dalam menjalankan Rancangan Tanah Belia, keberkesanannya pentadbiran adalah penting dalam menentukan kejayaan RTB dan di sini pengkaji akan menentukan kebenaran hipotesis yang dibuat.

1.3 Kaedah Penyelidikan

"Fieldwork" telah dijalankan selama 3 bulan semasa cuti penggal/panjang sesi 1985/86. Kajian dilakukan ke atas RTB II di mana terdapat seramai 135 peserta walaupun pada peringkat awal ialah 159 orang.

Pengkaji telah menggunakan beberapa kaedah utama dalam penyelidikan bagi mendapatkan data-data dan butir-butir mengenai responden dan Rancangan Tanah Belia. Kaedah-kaedah tersebut dijelaskan di bawah.

(1) Daftar soal-selidik dan temubual bebas

Pengkaji telah menyediakan satu daftar soal-selidik yang disusun memenuhi kehendak maklumat kajian (Daftar soal-selidik dilampirkan di bahagian akhir). Pengkaji dengan seorang pembantu menggunakan daftar soal-selidik dengan mengisi daftar tersebut mengikut pilihan responden, soalan-soalan adalah mudah dan setiap soalan disediakan jawapan mengikut nombor dan bagi setengah soalan responden dikehendaki memberi pandangan mereka atas jawapan yang dipilih.

Di samping soal-selidik, pengkaji menjalankan temubual bebas dengan responden setelah selesai daftar soal-selidik diisi, temubual meliputi perkara yang memerlukan penilaian, pendapat, pandangan, pengalaman, sikap, perasaan dan tanggapan mereka mengenai RTB. Keadaan ini sukar dilakukan melalui daftar soal-selidik, oleh kerana itu fieldwork ini memakan masa yang lama.

Perbualan-perbualan informal yang didapati dari pergaulan pengkaji dengan peserta di tempat terbuka seperti di kedai, ladang dan tempat-tempat lain dapat pengkaji jadikan maklumat tambahan.

(2) Interview

Interview bersifat formal dilakukan ke atas pihak pentadbiran di RTB dan pejabat pertanian meliputi pengurus, penyelia dan kaki-tangan.

Interview juga telah dilakukan ke atas perwakilan asal dan perwakilan yang ada pada waktu kajian.

(3) Pemerhatian dan penyertaan

Rancangan Tanah Belia (RTB) sudah tidak asing bagi pengkaji kerana sejak penubuhannya pada tahun 1969, pengkaji kerap datang disebabkan mempunyai saudara yang menjadi peneroka, berdasarkan ini pengkaji telah dapat memerhati keadaan hidup mereka sejak dari mereka menetap di asrama hingga mereka mempunyai rumah sendiri.

Sebahagian besar (75%) daripada peserta telah pengkaji kenali dan tidak timbul banyak masalah kepada pengkaji dalam bergaul dan terlibat sama dalam aktiviti yang mereka adakan seperti sukan walaupun penyertaan pengkaji terhad pada waktu di mana pengkaji berada di situ, pengkaji juga turut mengikut mereka ke ladang dan ini dapat mendedahkan pengkaji kepada kerja yang mereka jalankan.

1.4 Masalah Kajian

Dalam menjalankan kajian, pengkaji telah menghadapi beberapa masalah dalam proses pengumpulan dan mendapatkan data-data tersebut. Masalah yang dihadapi ialah:

1. Rancangan Tanah Belia Perlop, Sg. Siput terdiri daripada 3 peringkat, peringkat pertama bermula pada tahun 1968, peringkat kedua pada tahun 1969 dan peringkat ketiga bermula pada tahun 1970 (lihat jadual 2), tumpuan kajian ialah ke atas peringkat 2 kerana kemudahan perhubungan berbanding dengan peringkat 1 yang terletak jauh iaitu 11.2 km dari jalan utama, peringkat 2 juga lebih ramai pesertanya iaitu 159 orang berbanding 145 orang di peringkat 3 dan 100 orang di peringkat 1. Peringkat 2 dikaji cara terasing dari peringkat lain, dengan lain perkataan, peringkat 1 dan 3 tidak dikaji, andaian yang dibuat ialah kesemua peringkat mempunyai persamaan ciri sebagai sebuah rancangan tanah belia yang berada pada lokasi yang sama.

2. Masalah kedua ialah pengkaji tidak dapat menghubungi sebilangan peserta yang telah meninggalkan rancangan tanah (merujuk kepada mereka yang telah mempunyai hak ke atas tanah di RTB II) walaupun pengkaji telah berusaha menghubungi mereka dengan menghantar satu salinan soalan berkaitan dengan alasan mereka meninggalkan RTB dan perkerjaan mereka waktu kini, dengan itu data-data mengenai mereka tidak dapat diperolehi.
3. Masalah perhubungan untuk masuk ke Rancangan Tanah Belia dari jalanraya utama. Pengkaji dan mereka yang tidak mempunyai kenderaan terpaksa berjalan kaki sejauh 3.2 km di tengah panas terik matahari kerana bas tidak masuk ke kawasan perumahan peserta, cuaca yang panas menimbulkan masalah kepada pengkaji apabila terpaksa berjalan kaki apabila mendapatkan responden.

Pada masa kajian dijalankan, responden sukar ditemui pada waktu pagi kerana mereka bekerja manakala pada waktu tengahari pula, mereka baru balik dari kerja sementara diwaktu petang, terdapat pertandingan bola-sepak waktu itu, oleh itu soal selidik tidak dapat dijalankan kerana bimbang ada gangguan dari rakan-rakan responden yang boleh mempengaruhi sikap responden. Jelasnya kajian hanya dapat dijalankan pada waktu yang terbatas.

4. Responden kerap kali tidak dapat memberi jawapan tepat kepada soalan yang dikemukakan, walaupun keseluruhan mereka boleh membaca dan menulis tetapi terdapat keraguan kepada mereka untuk menceritakan keadaan sebenar, dalam satu kes, setelah pengkaji menjalankan soal-selidik pada sebelah petang, keesokan harinya ia menemui pengkaji kerana dalam soal-selidik ada menanyakan tentang jumlah pendapatan. Ia bimbang kajian yang dijalankan mempunyai kaitan dengan pihak tertentu walaupun pengkaji telah menjelaskan kedudukan pengkaji yang sebenarnya.
5. Masalah utama pengkaji ialah kerana tidak memperolehi data-data berhubung dengan kos perbelanjaan Rancangan Tanah Belia (II), ini kerana kos perbelanjaan tersebut tidak dapat dikeluarkan oleh pihak pentadbir kerana dianggap rahsia (lihat surat, Lampiran 1). Ketiadaan data-data tersebut sedikit sebanyak menjaskam kajian, terutama berhubung penganalisaan pencapaian ekonomi rancangan, data-data kos perbelanjaan yang tidak diperolehi itu ditulis n.a (not available) untuk menunjukkan data-data itu tidak dapat diperolehi.

Pada keseluruhannya, pengkaji mendapat kerjasama yang sangat memuaskan dari para responden. Keadaan ini sangat membanggakan kerana banyak masa dihabiskan melalui

temubual bebas dan dirasakan banyak keterangan diperolehi melalui perbualan terbuka dari responden, ini adalah kerana mereka adalah mesra dan ramah, begitu juga kerjasama dari pihak pentadbiran khasnya pengurus besar.

Tidak dinafikan terdapat pihak-pihak yang tidak memberikan kerjasama tetapi jumlah adalah terlalu kecil. Jelasnya pengkaji mendapat kerjasama sepenuh dari peserta.

1.5 'Sampling'

Pengkaji dalam memilih bakal responden telah menggunakan kaedah "sample rawak mudah". Ini adalah kerana jumlah populasi mempunyai darjah keseragaman yang tinggi dan dapat menghasilkan parameter yang tepat walaupun saiz adalah kecil.

Dalam memilih "sample" dari satu rangka persampelan, pengkaji telah menggunakan nombor daftar rumah peserta yang terdapat di pejabat RTB, Perlop, Lasah, dari keseluruhan nombor daftar tersebut dicabut secara random sebanyak 50 nombor mewakili keseluruhan sample.

Persampelan rawak mudah adalah satu proses mencabut satu sample dalam mana unit-unit dipilih secara individu dan langsung melalui satu proses yang rawak, melalui proses rawak itu, setiap unit yang belum dipilih mempunyai peluang yang sama untuk dipilih dengan unit lain pada tiap cabutan, secara definisi.

"Persampelan rawak mudah ialah... jika satu saiz n dicabut dari satu populasi saiz N , dengan cara supaya setiap sample yang mungkin sebesar saiz N mempunyai peluang yang sama untuk dipilih, maka persampelan begitu dinamakan sample rawak mudah."

(Mahdzan Ayub, 1983: 81)

Dengan menggunakan kaedah tersebut, tiap-tiap nombor dari nombor 1 hingga nombor 159 telah ditulis dalam satu kertas kecil dan digulung, kesemua kertas itu dimasukkan ke dalam bekas dan digoncang, daripada jumlah tersebut, pengkaji akan mengambil secara random sebanyak 50 kertas yang merupakan nombor rumah responden. Bagi kes di mana nombor yang dicabut merupakan rumah peserta yang telah meninggalkan rancangan, kerana daripada jumlah 159 nombor rumah, cuma terdapat 135 peserta sahaja yang masih menetap di rancangan. Oleh itu satu nombor lain akan dicabut, ini dilakukan dengan memeriksa daftar peserta yang terdapat di pejabat RTB.

Konsep Dan Teori

1.6 Konsep

1.6.1 Konsep pembangunan

Pembangunan dari segi definisi ialah rancangan yang direncanakan oleh sekumpulan perencana dari usaha sedar mereka untuk mencapai matlamat tertentu.

Pembangunan dierangkan juga sebagai,

"... deliberate, national, continuous efforts by government to accelerate the process of development and to channel it into desired directions by means of comprehensive and detailed choice of objectives determination and allocation of resources necessary for the achievement."

(G. Colun and T. Geiger, 1962: 46)

1.6.2 Pembangunan komuniti

T. P. Batten dalam bukunya "Communities and the their development", menyatakan bahawa pembangunan komuniti itu ialah

"A movement to promote better living for the whole community and of possible on the initiative of the community".

(T.R. Batten, 1967: 1)

jelasnya penglibatan dan daya usaha penduduk adalah penting dalam memperbaiki kehidupan.

Menurut takrifan United Nation, pembangunan komuniti ialah

"... the process by which efforts of the people themselves are united with those of governmental activities to improve the economic, socio and cultural condition of communities to rule-rate these communities into the life of the nation and to enable them to contribute fully national progress, this complex of process is then made up of two essential element

1. the participation of the people themselves in effort to improve their level of living with much reliance as possible on their own initiative.

2. the provision of technical and other services in ways which encourage initiative self help and mutual help and make these more effective."

(United Nation, 1967: 1)

1.6.3 Belia

Mengikut pengertian Gerakan Belia 4B Malaysia,

"Belia lazimnya di negeri ini diukur dari segi umur di dalam lingkungan 15 hingga 35 tahun tetapi definisi ini hanya merupakan satu tinjauan secara umum sahaja kerana golongan belia itu ialah dari tenaga progresif dan idealism."

(Gerakan Belia 4B, 1972: 1)

Oleh itu belia adalah penting dalam menjayakan projek RTB, ciri umur dan tenaga progresif adalah kriteria yang penting.

1.7 Teori

1.7.1 Teori pergerakan pencapaian

Pergerakan pencapaian ialah keinginan atau kecenderungan untuk mencapai kejayaan tertinggi (McClelland, 1961), McClelland mengusulkan satu teori yang mengaitkan pergerakan pencapaian dengan pembangunan ekonomi. Jika terdapat faktor bukan manusia yang perlu bagi pembangunan, faktor pergerakan pencapaian merupakan faktor lain yang penting dalam mempengaruhi tingkat pembangunan, jika terdapat ramai individu yang tinggi pergerakan pencapaian, maka pembangunan ekonomi adalah lebih pesat.

Atkinson dan Feather (Atkinson J.W. and Feather, N.T, 1966) merumuskan teori ini seperti berikut:

$$TS = MS \times PS \times IS$$

di mana

TS = Keinginan hendak mencapai kejayaan

MS = Pengerak

PS = Kemungkinan berjayanya sesuatu kerja

IS = Tarikan kerja itu

$$ISS = I - PS$$

Pergerakan pencapaian (TS) dipengaruhi oleh Pengerak (MS), kemungkinan berjaya sesuatu kerja dan tarikan kerja kepada individu, individu yang tinggi pergerakan pencapaian ialah mereka sentiasa menetapkan tujuan, lebih suka bekerja sendiri, mementingkan masa depan dan mahu menerima teguran.

1.7.2 Teori pengurusan

i. Definisi pengurusan

Pengurus ialah orang yang menyiapkan kerja melalui orang lain, meliputi aktiviti perdagangan, pentadbiran, pertanian dan sebagainya. (Nik Abd. Rashid, 1975: 55).

ii. Tugas pengurus

Tugas pengurus meliputi aspek membuat keputusan, merancang dan menentukan dasar, menyusun dan mengarah kakitangan, menyampaikan idea dan mengawal segala kegiatan.

iii. Keberkesanan pengurusan

Definisi/makna keberkesanan.

Keberkesanan bermakna kecekapan mengawal, 2 konsep keberkesanan:

1. Kebolehan mencapai tujuan
2. Mempraktikkan keberkesanan semasa menjalankan kerja. Ahli pengurusan (Former dan Richman) menganggap keberkesanan sebagai darjah atau tingkat kecekapan dari kaca mata masyarakat secara keseluruhannya.

1.7.3 Teori pembangunan

Teori mengenai pembangunan boleh dibahagi kepada 2 bahagian iaitu konflik dan equalibrium (A.E. Haven, 1972: 253).

i. Model equalibrium

3 pendekatan utama ialah Behavioral, Psychodynamic dan diffusionist.

Pendekatan diffusionist menghuraikan bagaimana angkubah penting dalam proses diffususi sehala dari pusat modenisasi ke tradisi (J. Hilal, 1970: 2-13). Pusat moden menyalur dan menyerapkan kemahiran, organisasi, nilai, institusi dan teknologi ke sektor tradisional. Menurut Nash:

"This approach... is the acculturation view of the process at development, diffuse knowledge, skills, organization, values, technologi and capital to a poor nation."

(M. Nash, 1963:3)

ii. Model konflik

A.G. Frank mengutarakan bahawa kemunduran mesti dilihat dalam kontek sistem ekonomi sosial dan politik negara. Kesan dari sistem kapitalis telah mewujudkan hubungan metropolis - satelit di mana negara membangun telah berpadu dalam satu sistem ekonomi kapitalis yang dominan, ini menyebabkan negara pinggir/satelit sentiasa bergantung kepada metropolis/negara maju.

Menurut beliau, pembangunan dan kemunduran saling melengkapi:

"Development and underdevelopment are two aspects of the some historical process involving the condition and the spread of modern technology."

(A.G. Frank, 1973: 5-27).

BAB 2LATAR BELAKANG UMUM KAWASAN2.1 Latar Belakang Kawasan

Latar belakang kawasan meliputi 2 bahagian:

1. Kedudukan geografi Sungai Siput
2. Kedudukan geografi RTB II.

1. Kedudukan geografi Sungai Siput

Mukim Sungai Siput (dikenali dengan daerah kecil Sungai Siput) terletak di utara negeri Perak, dalam daerah Kuala Kangsar, bersempadan dengan mukim Cheka Galah di barat, mukim Pulau Kemiri di utara, mukim Kota Lama di barat dan daerah Kinta di timur. (Peta Kedudukan Sungai Siput, Peta 1).

Keluasan Sungai Siput ialah 373 batu persegi (596.8 km. persegi) meliputi 52 kawasan yang diwartakan dengan jumlah penduduk seramai 39,435 orang dengan komposisi kaum ialah Cina 70%, Melayu 17%, India 12% dan lain-lain 1%.

Bentuk muka bumi Sungai Siput merupakan kawasan berbukit dan beralun dengan garisan kontor kurang 500 kaki dan terletak dalam lingkungan Banjaran Besar di timur dan utara manakala Banjaran Kledang di barat, kawasan tanah pamah merupakan kawasan lembah yang menganjur selari dari utara ke selatan di mana ianya merupakan

kawasan laluan utama perhubungan jalanraya dan keretapi yang merentasi kawasan tersebut menghubungkan ibu negeri Perak iaitu Ipoh yang terletak 18 batu (28.8 km.) dari Sungai Siput dengan bandar DiRaja Kuala Kangsar yang terletak 13 batu (20.8 km.) ke utara Sungai Siput.

Kesesuaian kawasan Sungai Siput untuk kegiatan pertanian tidak sukar difahami di mana 80% dari kegiatan ekonomi penduduk ialah dalam sektor tersebut dengan sektor perladangan getah dan kelapa sawit menguasai sebahagian besar dari keseluruhan tanah yang sesuai untuk pertanian sementara sektor pekebun kecil pula tertumpu di kampung Melayu. Jelasnya, kelebihan dan kesesuaian tanah, iklim, serta bentuk muka bumi yang berbukit dan beralun, kemudahan pengangkutan dan bekalan tenaga buruh menjadikan Sungai Siput kawasan perladangan getah dan kelapa sawit yang utama di daerah Kuala Kangsar.

2. Kedudukan geografi RTB II

RTB I dan II terletak dalam mukim Sungai Siput manakala RTB III, IV, V dan VI, terletak dalam mukim Pulau Kemiri, Sungai Pelus memisahkan RTB II dan III, merupakan garis sempadan mukim Sungai Siput dan mukim Pulau Kemiri di utara. Kedudukan RTB II pula bersempadankan dengan Kg. Lasah dan Lintang di barat, RTB III di utara, Rancangan Kemajuan Tanah Sungai Pelus dan Rancangan Tanah Kilat Sungai Siput di selatan manakala RTB I di timur. (Peta RTB, Perlop, Peta 2). Pada umumnya RTB merupakan

kawasan berbukit hutan tropika dalam rangkaian sistem pergunungan Banjaran Besar dengan garisan kontor kurang 500 kaki di mana kemuncak tertinggi di RTB II ialah Gunung Kemuning (2301 kaki). RTB I dan II terletak dalam kawasan hutan simpan Kerabu manakala RTB III, IV, V dan VI terletak dalam kawasan hutan simpan Piah, kawasan tersebut dipilih kerana:

1. Sesuai untuk pertanian.
2. Tanpa kepentingan galian.
3. Bebas dari tanah simpanan untuk pemeliharaan hutan.
4. "Reasonably accesible".
5. Bebas dari sebarang "legal complication". (Lim, 1971: 14)

Oleh kerana saiz adalah dianggap optimum dari segi ekonomi, serta kesesuaian muka bumi telah memberikan satu kelebihan untuk mewujudkan RTB di sini.

RTB dibahagikan kepada 3 rancangan iaitu RTB I yang dibuka pada 1968 dengan peserta seramai 100 orang, RTB II dibuka pada tahun 1969 dan menempatkan 159 peserta dan RTB III dibuka pada 1970 menempatkan 145 peserta, manakala RTB IV dibuka pada tahun 1978 dan RTB V dan VI dibuka pada tahun 1982, RTB IV, V, VI adalah merupakan kawasan tambahan kepada RTB I, II dan III. Kesemua RTB ditanam dengan kelapa sawit.

JADUAL I: Kedudukan RTB, Perlop, Lasah, Sungai Siput

Rancangan	Jenis tanaman	Luas kawasan (ekar)	Luas ditanam (ekar)	Luas telah mengeluarkan hasil (ekar)	Bilangan peserta
PI	Kelapa Sawit	1,315	1,100	685	100
PII	"	1,126	900	743	159
PIII	"	1,290	867	515	145
PIV	"	1,745	600	400	-
PVI	"	1,350	750	-	-

Sumber: Pejabat RTB, Ipoh

Keseluruhan luas RTB, Perlop, Lasah ialah 8276 ekar dengan keluasan RTB I ialah 1315 ekar, RTB II ialah 1126 ekar, RTB III 1290 dan luas kawasan tambahan RTB IV ialah 1745 ekar, RTB V ialah 1310 ekar dan RTB VI ialah 1356 ekar. Luas keseluruhan yang telah ditanam dengan kelapa sawit ialah 5112 ekar, dari jumlah tersebut, kawasan yang telah mengeluarkan hasil ialah 2343 ekar di mana bagi RTB II, luas ditanam iaitu 900 ekar, 743 ekar telah mengeluarkan hasil.

2.2 Program Pembangunan Tanah Kerajaan Negeri Perak

Pembangunan tanah telah dianggap satu strategi pembangunan berancang kerajaan bagi meningkatkan pertumbuhan ekonomi dan sosial rakyat khasnya di luar bandar, matlamat pembangunan ialah untuk mengatasi masalah kekurangan dan keperluan tanah, pengangguran dan gunatenaga tidak penuh serta dengan adanya tanah-tanah yang luas serta sesuai untuk aktiviti pertanian yang masih belum diterokai, telah mewujudkan satu kelebihan bagi pembukaan tanah secara besar-besaran, strategi bermaksud,

"The planning and directing of operation"

(G.N. Jones, 1969: 72)

Oleh itu strategi pembukaan tanah merupakan cara utama dalam mempercepatkan proses ke arah pembangunan negara. Rancangan pembangunan tanah telah mendapat keutamaan dalam program negara, dalam Rancangan Malaysia Pertama (RM I) (1966-1970). Sebanyak M\$363.6 juta telah diperuntukan untuk tujuan tersebut manakala dalam Rancangan Malaysia Kedua (RMK) (1970-1975), peruntukan telah meningkat kepada M\$908.5 juta, dari pertambahan peruntukan itu membayangkan kesungguhan kerajaan dalam usaha membangunkan tanah secara besar-besaran.

Strategi pembangunan tanah yang dijalankan oleh kerajaan pada keseluruhan boleh dibahagikan kepada 2 berdasarkan pembiayaan dan pengelolaan (Shamsul Amri, 1977: 63), (Lihat Lampiran 2) strategi pembangunan tanah di Malaysia).

1. Projek di bawah kelolaan Kerajaan Pusat.
2. Projek di bawah kelolaan Kerajaan Negeri.

Rancangan pembangunan tanah sama ada di bawah kelolaan pusat atau negeri pula dibahagi kepada 2 iaitu,

1. Skim dengan penempatan semula.
2. Skim dengan tidak penempatan semula.

Skim dengan penempatan semula melibatkan pemindahan ke satu kawasan baru manakala skim rancangan yang tidak melibat penempatan semula merupakan skim di mana usaha-usaha memajukan sesuatu kawasan tertentu. Berdasarkan pembahagian tersebut RTB adalah projek kerajaan negeri di bawah skim penempatan semula.

Pembangunan tanah di Perak amat jelas disebabkan potensi tanah yang sesuai untuk pertanian adalah besar.

"Among the West Coast State, Perak has the largest potential undevelop agricultural land resources with over 600,000 acre of suitable soil in state land, Forest reserves or unalineated Malay reserves."

(P.C. Lee & W.P. Panton,
1971:27)

Atas kesedaran tentang kewujudan potensi faktor pengeluaran yang besar itu kerajaan negeri telah mengambil inisiatif dalam usaha mengeksplorasi sumber semula jadi itu bagi kegiatan pertanian secara besar-besaran dan sistematik. Oleh itu RTB adalah

merupakan antara rancangan tanah yang telah dijalan oleh kerajaan negeri Perak, jumlah RTB di Perak setakat ini ialah 9, kedudukan RTB di Perak seperti di Jadual 2.

JADUAL 2: Kedudukan RTB, Perak

Rancangan	Luas	Bil. Peserta	Tahun Dibuka
P. I	1315	100	1968
P. II	1126	159	1969
P. III	1290	145	1970
P. IV	1745	-	1972
P. V	1450	-	1978
P. VI	1350	-	1978
Seberang Perak	4435	80	1970
Pondok Tanjong	1025	142	1970
Air Panas	500	61	1971
Jumlah	14236	687	

Kedudukan RTB, di Perak 1986

Sumber: RTB Ipoh.

Dari jadual, RTB I, II, III, IV, V dan VI terletak di Sungai Siput dan Pulau Kemiri di mana RTB IV, V dan VI merupakan kawasan tambahan, RTB lain terletak di Pondok Tanjong di Lenggong, Air Panas di Grik dan RTB Seberang Perak, sehingga tahun 1971 tidak

ada RTB lain yang dibuka.

Luas keseluruhan RTB di Perak ialah 14,236 ekar dan menempatkan sejumlah 687 orang peserta, tanaman utama ialah kelapa sawit di RTB Perlop, Sungai Siput dan Pondok Tanjong, tanaman getah di Air Panas dan tanaman padi di Seberang Perak.

2.3 Penubuhan RTB Di Perak

Pada awal tahun 1960-an, usaha pembukaan tanah secara besar-besaran telah dilakukan oleh kerajaan, selaras dengan itu, pada tahun 1967 kerajaan negeri Perak telah membuat keputusan untuk membuka tanah bagi menempatkan belia yang menganggur di Perak.

Sebuah jawatankuasa khas diketuai oleh Y.A.B Menteri Besar Perak iaitu Ahmad bin Said, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) kawasan Lenggong beserta 7 ahli jawatankuasa (AJK) telah ditubuhkan pada 11 Ogos 1967 bagi mengkaji penubuhan RTB, tugas penting Jawatankuasa tersebut ialah:

1. memberi pertimbangan ke atas penubuhan projek tanah yang akan diberi nama Rancangan Tanah Belia Khas (RTBK)
2. mengkaji perkara yang timbul berhubung dengan penubuhan rancangan tersebut.
3. membuat anggaran dan peruntukan ke atas rancangan yang akan dibuka dengan pembiayaan sepenuhnya oleh kerajaan negeri.
4. membuka kawasan lain mengikut keperluan dan kejayaan rancangan yang dijalankan. (Pejabat RTB, Ipoh).

Hasil dari laporan tersebut, kerajaan negeri telah bersetuju pada dasarnya dengan pembentukan RTB dilaksanakan mengikut akta tanah 1960, rancangan penempatan berkelompok, dalam perjanjian menyatakan:

"Perjanjian dibuat antara kerajaan negeri dengan pihak berkenaan, surat ini menyatakan tentang cadangan untuk memajukan tanah di daerah berkenaan mengikut aturan akta tanah kawasan penempatan semula berkelompok 1965."

(Surat Perjanjian, 1969:1)

Melalui persetujuan tersebut peserta akan diberi hak milik ke atas tanah yang diperuntukkan luas tertentu mengikut syarat yang ditentukan, syarat tersebut ialah:

1. Peserta mestilah tekun dan berusaha memajukan rancangan mengikut arahan yang dikeluarkan oleh kerajaan.
2. Peserta dikehendaki menetap di rancangan.
3. Peserta dikehendaki bekerja sepenuh masa.

2.4 Sebab-sebab Penubuhan RTB

Tiga faktor yang menyebabkan penubuhan RTB ialah faktor sosial, ekonomi dan politik.

1. Sosial

Masalah utama tahun 60-an ialah pengangguran, ini dapat diteliti dari jumlah pengangguran yang semakin bertambah.

"Lebih dari 60% dari jumlah pengangguran dalam tahun 1962 berumur dalam lingkungan 15-25 tahun,

menjelang 1967 angka itu meningkat menjadi 75%."

(Buku Hijau Belia 4B Malaysia,
1972: 46)

Keadaan ini timbul kerana ramainya bilangan penuntut yang tercicir dari sekolah khasnya selepas tamat darjah 6, tingkat 3, 5 dan 6 sama ada mereka gagal dalam peperiksaan atau tidak mampu untuk meneruskan persekolahan dan ini berkait dengan kemiskinan keluarga, seiring dengan itu wujud situasai "under employment" di mana belia ditakrifkan sebagai tidak bekerja, ini kerana mereka hanya bekerja mengikut musim seperti bersawah atau membuat pekerjaan di mana ramai mengendalikannya, jelasnya mereka tidak ada pekerjaan tetap yang mendatangkan pendapatan yang tetap, keadaan ini mengakibatkan berlaku gunatenaga tidak penuh dan tidak ekonomik, keadaan ini ketara di luar bandar.

Keadaan pengangguran diberatkan lagi dengan tidak ada atau kurang inisiatif untuk memajukan diri,

"... It's a common notion that rural youth lack the ambition and defect gratification necessary to climb the social ladder... lacking incentive therefore suffer from low life chance."

(W.J. Kuvlesky, 1971: 391-396)

Dengan sikap negatif serta tingkat pelajaran rendah, mereka tidak mempunyai cara atau jalan untuk mendapat pekerjaan, terutama sekali di dalam suasana hidup yang berlumba-lumba.

Dengan perubahan masa, faktor pembentukan atau perubahan penduduk merupakan satu feneomena semula jadi, ini ketara di kawasan luar bandar yang tidak mempunyai kawalan ketat terhadap perancangan penduduk serta sikap mereka yang mementingkan keluarga besar sebagai "asset" yang berharga, pertambahan penduduk menimbulkan pula kekurangan tanah. Amalan pembahagian tanah di kalangan orang Melayu lazimnya menimbulkan masalah tanah yang menjadi semakin kecil dan tidak ekonomik di kalangan keluarga yang ramai.

Melalui RTB usaha untuk menempatkan belia di satu kawasan petempatan khas adalah wajar untuk mengatasi masalah mereka.

2. Ekonomi

Matlamat penubuhan RTB mengambil kira aspek ekonomi di mana melalui penubuhan RTB, kedudukan ekonomi belia di luar bandar dapat dipertingkatkan, dengan keluasan tanah yang bersesuaian, maka potensi untuk memajukan rancangan tanah adalah besar, seharusnya tanah tersebut dieksplotasikan untuk kepentingan para belia yang tidak bertanah, ini ditambah pula dengan ramainya penduduk luar bandar yang bergantung kepada pertanian sebagai sumber ekonomi yang utama. Pada tahun 1962, 52% bergantung kepada pertanian dan angka itu berkurangan pada tahun 1967 kepada 50%, peserta RTB yang mempunyai latar belakang keluarga petani seharusnya dapat menjadikan aktiviti pertanian di RTB sebagai sumber kegiatan ekonomi

yang utama dan cara hidup sedemikian memudahkan mereka menjadi petani yang progresif.

Masyarakat luar bandar telah diketahui sebagai miskin dengan kedudukan ekonomi yang rendah dan hidup cara "subsistence", keadaan masyarakat luar bandar dapat dilihat dari aspek:

1. Tingkat perkembangan teknologi dan pengkhususan.
2. Unit pengeluaran dan keanggotaan.
3. Sistem dan media pertukaran.
4. Penguasaan punca dan pengeluaran modal

(Nash, 1966: 20)

Peringkat teknologi luar bandar adalah rendah di mana merupakan pengeluar hasil pertanian secara kecilan. Penggunaan tenaga (alat) pertanian seperti binatang, cangkul, dan parang memerlukan penggunaan tenaga yang banyak, melalui RTB teknik akan diubah melalui penggunaan teknologi moden seperti racun, baja dan jentera. Begitu juga tingkat pengkhususan yang rendah dengan pelaksanaan kerja sendiri dari mula hingga akhir dengan unit pengeluaran utama iaitu keluarga di mana pekerjaan tidak sahaja untuk keperluan ekonomi bahkan memenuhi obligasi sosial, dengan menyertai RTB peserta didedahkan kepada proses pengeluaran secara besar-besaran dengan pengkhususan dalam kerja seperti yang terdapat dalam sistem yang diperkenalkan di rancangan tanah belia.

Dalam bidang ekonomi, proses pemasaran adalah penting dalam menentukan penjualan hasil dengan harga yang memuaskan tetapi dengan adanya penguasaan punca dan modal oleh orang tengah yang kadangkala merupakan kuasa ekonomi dan politik dalam masyarakat telah menyebabkan kedudukan masyarakat luar bandar terus tertekan.

"The peasantry consist of small agriculture producers who with the help of simple equipment and the labour of the families, produce mainly for their own consumption and for the fulfillment at obligation in the holders of political and economic power."

(Shanin 1971: 210)

Keadaan ekonomi pertanian luar bandar yang serba kekurangan mempengaruhi motivasi belia untuk mengubah sikap mereka, melalui RTB mereka digerakkan untuk mengubah orientasi ekonomi pertanian kepada yang lebih baik dan berasas pada sains dan teknologi. Kepentingan RTB dari sudut ekonomi adalah untuk memenuhi matlamat peningkatan dalam pengeluaran, dalam kes RTB ialah peningkatan dalam pengeluaran kelapa sawit.

3. Politik

RTB diilhamkan oleh ahli politik, tujuan ialah mendapatkan sokongan dari tenaga belia, penglibatan politik dalam pentadbiran adalah jelas sekali melalui jawatankuasa besar di mana ahlinya terdiri dari ahli politik yang bertindak membuat dasar untuk RTB.

4. Keselamatan

Sungai Siput adalah kawasan 'hitam' di mana kegiatan pengganas komunis adalah kuat khasnya awal tahun 60-an. Dengan membuka kawasan hutan, diharapkan akan dapat menyekat kegiatan pergerakan komunis di kawasan tersebut.

5. Mencegah penerokaan tanah secara haram

Sebelum RTB dibuka, banyak kawasan telah diusahakan secara haram oleh penduduk Sungai Siput untuk pertanian seperti ubi kayu, di samping itu juga terdapat kegiatan pembalakan secara haram. Melalui pembukaan tanah di kawasan tersebut akan dapat menghentikan kegiatan itu.

2.5 Pemilihan dan Syarat-syarat Pemilihan

i. Pemilihan

Pemilihan peserta terbuka kepada belia warganegara Perak dengan menghantar permohonan melalui borang khas yang didapati di Pejabat Pertanian, Pejabat Daerah dan Balai Penghulu. Peserta yang berjaya kemudian dipanggil untuk menghadiri temuduga yang diadakan di Pejabat Pertanian atau Pejabat Daerah. Jawatankuasa pemilih terdiri dari pegawai pertanian, di tempat seperti di Teluk Intan dan Batu Kurau, jawatankuasa tersebut terdiri dari wakil rakyat tempatan dan pegawai pertanian.

ii. Syarat pemilihan

Terdapat beberapa syarat yang dikenakan ke atas para belia yang mahu menyertai RTB. Syarat tersebut ialah:

1. Warganegara Malaysia rakyat Perak.
2. Umur 17-25 tahun.
3. Sihat tubuh badan.
4. Belum berkahwin (untuk selama 5 tahun, mereka tidak dibenarkan kahwin)
5. Aktif dalam persatuan.

(Pejabat RTB, Ipoh)

Kriteria lain yang diambil kira dalam pemilihan peserta ialah tahap pelajaran, taraf keluarga, peribadi, di mana kriteria tersebut adalah untuk mendapat calon terbaik, belia yang progresif dan mampu untuk menghadapi cabaran.

Pemilihan peserta adalah penting untuk menentukan penggunaan tanah yang maksima dapat dilakukan dan memastikan perjalanan organisasi yang licin. Penglibatan yang maksima oleh peserta untuk mencapai matlamat yang dikehendaki dan sama ada mereka memenuhi syarat bagi pembentukan belia yang progresif. Syarat tersebut untuk mewujudkan unsur kesamaan di kalangan peserta yang terlibat. Kriteria lain yang penting seperti keperluan meliputi faktor seperti pemilikan tanah dan pendapatan dan kriteria "suitability" seperti pengalaman berladang dan tanggungjawab serta penglibatan dalam komuniti, kriteria ini penting dalam memberi gambaran tentang kedudukan sosio-ekonomi peserta.

2.6 Latar Belakang Peserta

Peserta RTB dipilih dari belia negeri Perak. Latar belakang sebelum memasuki RTB meliputi tempat asal, umur, status perkahwinan, pelajaran, pendapatan, keluasan tanah dan beberapa faktor lain. Maklumat ini dapat dijadikan asas dalam penganalisaan kajian dan melihat adanya korelasi antara satu angkubah dengan satu keadaan yang wujud.

1. Tempat asal

Pemilihan ke atas peserta tidak dihadkan kepada kuota bagi se-suatu kawasan tetapi berdasarkan kelayakan.

JADUAL 3: Tempat Asal Peserta

Tempat Asal	Bilangan	Peratus
Daerah Kuala Kangsar	13	25
Batu Kurau	6	12
Teluk Intan	4	8
Taiping	4	8
Batu Gajah	3	6
Setiawan	3	6
Bagan Datuk	3	6
Bruas	3	6
Selama	2	4
Parit Buntar	2	4
Lumut	2	4
Lenggong	2	4
Chemor	1	2
Manjong	1	2
Slim River	1	2
Jumlah	50	100

Penyertaan ke RTB adalah terbuka kepada seluruh Belia di Perak, walaupun 100% penyertaan adalah terdiri daripada belia-belia Melayu dan tidak ada penyertaan daripada belia bukan Melayu.

Dari jadual, Daerah Kuala Kangsar paling ramai menyertai RTB. Perlop 2 iaitu seramai 13 orang (26%), mereka adalah dari kawasan kampung seperti Kg. Kenas, Kg. Jamuan (2 orang), Parit, Manong (2 orang), Beluru, Kati, Keroh, Kota Lama, Paya Lintah dan Kg. Trosos.

Dari Batu Kurau pula seramai 6 orang (12%) iaitu dari anak Kurau (3) dan Kuala Kurau (3), diikuti dari Teluk Intan seramai 4 orang (8%) iaitu dari Pasir Salak, Bandat Tua (2), dan Kg. Sg. REbana. Dari Taiping seramai 4 orang (8%) iaitu dari Bukit Merah, Kg. Pauh, Changkat Jering dan Air Kuning. Batu Gajah pula seramai 3 orang (6%) iaitu dari Batu 7 (2) dan Batu 8. Setiawan pula seramai 3 orang (6%) iaitu dari Lekir (2) dan Pengkalan Hulu. Bagan Datuk, Bruas, Selama, Parit Buntar, Lumut dan Lenggong, tiap-tiap kawasan seramai 2 orang (4%) iaitu daripada kawasan-kawasan Sg. Balai (2), Paya Harun (2), Sg. Selama (2), Sg. Bakom (2), Kg. Baru dan Damar Laut, Batu 19 dan Changkat, Kg. Ulu dan Sg. Bayu.

Manakala 1 orang (2%) dari Manjong iaitu dari Air Tawar dan Slim River 1 orang (2%) dan Chemor 1 orang (2%).

Berdasarkan data, peserta ramai berasal daripada luar bandar dan dari segi kawasan pula paling ramai ialah dari kawasan berhampiran Tanah Rancangan seperti dari daerah Kuala Kangsar.

2. Umur

Syarat umur ialah antara 18-25 tahun, usia tersebut merupakan 'working torch' yang kuat untuk pembangunan tanah.

JADUAL 4: Umur Peserta

Tarikh Lahir/Tahun	Umur Pada Tarikh Masuk (70)	Bilangan	Peratus
46	24	6	12
47	23	9	18
48	22	13	26
49	21	10	20
50	20	3	6
51	19	6	12
53	17	1	2
54	16	2	4
Jumlah	20.3	50	100

Data dari jadual menunjukkan paling ramai peserta dalam lingkungan umur 22 tahun iaitu seramai 13 orang (26%). Manakala purata umur keseluruhan ialah 20.3 tahun didapati bahawa terdapat

peserta yang berusia 16 tahun seramai 2 orang, (4%) dan 17 tahun seramai seorang (2%). Walaupun syarat umur ialah 18-25 tahun tetapi penerimaan mereka adalah kerana dari segi lain seperti kesihatan dan bentuk fizikal badan adalah memuaskan.

3. Status perkahwinan

Peserta disyaratkan tidak berkahwin dalam tempoh 5 tahun pertama penyertaan mereka ke RTB. Syarat tersebut adalah kerana pihak pentadbir menyedari masalah yang akan dihadapi oleh peserta jika mereka telah mempunyai keluarga terutama untuk menyara keluarga mereka kerana mereka cuma diberi elaun yang sedikit dan juga bagi memastikan peserta menumpukan perhatian kepada kerja.

JADUAL 5: Status Perkahwinan Semasa Kajian

Taraf	Bilangan	Peratus
Kahwin	47	94
Bujang	3	6
Jumlah	50	100

perlu ditegaskan di sini, taraf/status peserta sebelum menyertai RTB adalah kesemuanya bujang, berdasarkan jadual kedudukan mereka selepas tamat tempoh syarat tidak boleh berkahwin. 47 orang (94%) telah berkahwin manakala 3 orang (6%) masih membuang. Ini bermakna apabila tamat tempoh tersebut, didapati

majoriti peserta berkahwin, berdasarkan kepada tahun perkahwinan pula, kedudukan tersebut ditunjukkan dalam jadual.

JADUAL 6: Tahun Perkahwinan

Tahun Kahwin	Bilangan	Peratus
74	7	14.8
75	10	21.2
76	13	27.6
77	4	8.5
78	4	8.5
79	5	10.6
80	3	6.3
84	1	2.12
Jumlah	47	100

Selepas tamat tempoh dibenarkan kahwin bermula pada tahun 1974, seramai 7 orang (14.8%) telah berkahwin dan jumlah meningkat kepada 10 orang (21.2%) pada tahun 1975 dan meningkat kepada 13 orang (27.6%) pada tahun 1976. Ini menunjukkan syarat tidak membenarkan peserta kahwin dalam tempoh 5 tahun, merupakan satu "retribution" dari segi 'need' kepada peserta, walaupun mereka belum disediakan rumah dan pendapatan kecil tetapi mereka sanggup berkahwin.

4. Tingkat pelajaran

Pencapaian pelajaran tidak merupakan syarat utama, walaupun kriteria kebolehan membaca dan menulis diambil kira, tahap pendidikan boleh mempengaruhi sikap peserta.

JADUAL 7: Tahap Pendidikan

Pencapaian Akademik	Bilangan	Peratus
Darjah 1-6	36	72
Tingkatan 1-3	12	24
Tingkatan 4-5	2	4
Jumlah	50	100

Dari jadual, 36 orang (72%) mendapat tahap pendidikan yang paling rendah iaitu darjah 1-6, manakala mereka yang mendapat pendidikan lebih tinggi iaitu tingkatan 4-5 hanya merupakan 4% sahaja, ini bermakna kecenderungan mereka yang menyertai RTB terdiri dari mereka yang mendapat pendidikan paling rendah.

5. Tanggungan

Tanggungan dilihat dari aspek keluarga asal (keluarga orientasi) dan keluarga prokriasi.

i. Jumlah tanggungan keluarga asal (orientasi)

JADUAL 8: Keluarga Asal (Orientasi)

Keluarga Asal/Jumlah	Bilangan	Peratus
4	6	12
5	8	16
6	7	14
7	5	10
8	6	12
9	9	18
10	4	8
11	4	8
12	1	2
Jumlah	50	100

Peserta didapati mempunyai jumlah keluarga asal yang besar. Jika dibandingkan dengan purata isi rumah negara iaitu 5.5 orang bagi tahun 1970 (Department of Statistic, 1971), di mana 16% mempunyai keluarga asal 5 orang, dan paling tinggi ialah 18% yang mempunyai tanggungan keluarga asal seramai 9 orang dan 2% mempunyai tanggungan keluarga asal paling besar iaitu 12 orang, keluarga yang besar mendorong mereka menyertai RTB.

ii. Jumlah tanggungan keluarga prokriasi

Keluarga prokriasi terbentuk apabila peserta yang memasuki RTB telah berkeluarga.

JADUAL 9: Keluarga Sendiri (Prokriasi)

Jumlah Keluarga Prokriasi	Bilangan	Peratus
1	2	4.2
2	5	10.6
3	15	31.9
4	18	38.2
5	3	6.3
6	3	6.3
7	1	2.1
Jumlah	47	100

Pembentukan keluarga prokriasi tidaklah besar di mana 38.2% mempunyai anak 4. Manakala mereka yang mempunyai anak 1 ialah 42%, manakala mereka yang mempunyai anak 7 pula hanya 2.1%. Keadaan ini kerana mereka dari segi masa masih baru mempunyai keluarga apabila tamat tempoh syarat tidak boleh berkahwin pada tahun 1974.

6. Keluasan tanah

Hak milik tanah merupakan perkara utama yang diperlukan oleh

penduduk luar bandar, ini adalah kerana mereka bergantung kepada tanah untuk mendapatkan punca pendapatan, tekanan keperluan tanah mempengaruhi belia menyertai RTB.

JADUAL 10: Keluasan Tanah

Luas (ekar) Tanah	Bilangan	Peratus
0 - 1.5	28	58
1.6 - 3.1	16	32
3.2 - 4.7	6	12
Jumlah	50	100

Secara keseluruhan, peserta memiliki keluasan tanah yang kecil di mana 56% mempunyai keluasan 0 - 1.5 ekar, jika dibandingkan pemilikan tanah di kalangan petani di Tanah Melayu di mana 95.6% daripada bilangan petani memiliki luas tanah $\frac{1}{4}$ hingga $14\frac{3}{4}$ ekar (Wang, 1964: 288). Jelasnya keluasan tanah tersebut tidak ekonomik dalam menjalankan aktiviti pertanian.

7. Hubungan keluasan tanah dengan jumlah keluarga asal

Dari data keluasan tanah dan jumlah keluarga asal, pengkaji telah menghubungkait kedua-dua faktor tersebut, kedudukan kerelasi antara kedua-dua angkubah tersebut ditunjuk dalam jadual.

JADUAL 11: Hubungan Keluasan Tanah Dengan
Keluarga Asal

Bil Keluarga Luas(ekar)	4	5	6	7	8	9	10	11	12
0 - 1.5	1	4	4	4	4	6	2	3	
1.5 - 3.1	3	4	2	1	1	2	1	1	1
3.2 - 4.7	2		-		1	1	1		

(Data dari Jadual 8 dan 10)

Dari jadual menunjukkan mereka yang mempunyai keluarga besar berbanding dengan pemilikan yang kecil, daripada 18% yang mempunyai keluarga seramai 9 orang, 12% memiliki tanah antara 0 - 1.5. Keadaan lebih ketara bagi kategori yang mempunyai keluarga lebih besar di mana daripada 48% yang mempunyai keluarga 11 orang, 6% memiliki keluasan 0 - 1.5, berbanding dengan mereka yang mempunyai keluarga 4 orang di mana daripada 12% dalam kategori ini, 6% mempunyai keluasan 1.5 - 3.1 ekar dan 4% memiliki keluasan 3.2 - 4.7 ekar. Jelasnya apabila saiz keluarga besar sedangkan keluasan tanah kecil, ia menjadi faktor penting belia menyertai RTB.

8. Tujuan ke RTB

Keadaan di atas dapat diperjelaskan bila diteliti tujuan utama penyertaan mereka di RTB. Tujuan penyertaan mereka ditunjuk dalam jadual.

JADUAL 12: Tujuan Menyertai RTB

Tujuan	Bilangan	Peratus
Jaminan kerja	7	14
Memiliki Tanah	28	56
Desakan keluarga/orang tertentu	2	4
Tidak puas hati kehidupan belia	3	6
Suka kerja ladang	8	12
Sebab lain	4	8
Jumlah	50	100

Dari jadual, tidak sukar difahami kenapa penyertaan peserta ke RTB lebih bertujuan untuk memiliki tanah di mana 56% daripada mereka mempunyai tujuan tersebut. Keadaan ini adalah kerana mereka memiliki tanah yang kecil sedangkan jumlah keluarga adalah besar.

9. Pekerjaan sebelum menyertai RTB

Kedudukan latar belakang pekerjaan awal peserta ditunjukkan dalam jadual.

JADUAL 13: Pekerjaan Sebelum Ke RTB

Jenis kerja	Bilangan	Peratus
Petani	18	36
Penoreh	12	24
Buruh	10	20
Peniaga	3	6
Kerja sambilan	2	4
Penganggur	5	10
Jumlah	50	100

Dari jadual, mereka yang mempunyai latar belakang pertanian seperti menjadi petani dan penoreh membentuk 60% dari keseluruhan kerja yang pernah dilakukan. Keadaan ini menyediakan asas kepada penglibatan mereka dalam kegiatan pertanian, lain-lain pekerjaan ialah menjadi buruh, bermiaga dan pekerjaan sambilan seperti mengambil upah di kebun dan ladang atau bekerja sementara dengan kerajaan atau swasta. Manakala 10% tidak menjalankan apa-apa kerja, ini bermakna jumlah mereka yang menganggur bukan merupakan bahagian besar peserta di RTB, adalah jelas pekerjaan tersebut adalah tidak menjamin masa depan dan ini berkaitrapat dengan pendapatan yang mereka perolehi daripada kerja tersebut.

10. Pendapatan sebelum ke RTB

Pendapatan mereka adalah daripada usaha kerja yang dinyatakan di atas, kedudukan pendapatan dijelaskan dalam jadual.

JADUAL 14: Pendapatan Sebelum Menyertai RTB

Pendapatan bulan (\$)	Bilangan	Peratus
0 - 99	17	34
100 - 199	21	42
200 - 299	12	24
Jumlah	50	100

Pendapatan mereka melalui kerja tersebut adalah kecil dimana 42% memperolehi pendapatan dalam kategori 100-199 dan 34% memperolehi pendapatan 0-99. Jika dibandingkan dengan pendapatan purata keluarga di luar bandar tahun 1970 ialah \$200 dengan pendapatan purata keluarga Melayu ialah \$172, (RMT, 1976, Jadual 9.5). Jelasnya mereka berada dalam kategori pendapatan purata keluarga miskin, dan sesuatu yang nyata ialah pendapatan tersebut tidak tetap. Oleh itu penyertaan mereka ke RTB adalah untuk memperbaiki kehidupan mereka dan matlamat untuk memperbaiki kedudukan material dan sosial yang lebih baik iaitu:

- a. to have a richer material and social life than thier parent.
- b. more money then thier parents could produce and more income security.
- c. more better chance to realize thier expectation for social mobility then thier counter part have had in the part.

(W.J. Kurlesky, 1971)

Jelasnya penyertaan mereka ke RTB adalah dengan harapan kehidupan mereka lebih baik daripada dahulu.

11. Dorongan menyertai RTB

Penyertaan peserta ke RTB dipengaruhi oleh dorongan dari beberapa faktor:

JADUAL 15: Dorongan Menyertai RTB

Dorongan	Bilangan	Peratus
Usaha sendiri	32	64
Asakan kawan	13	26
Desakan keluarga	4	8
Menyahut seruan	1	2
Sebab-sebab lain	-	-
Jumlah	50	100

Faktor dorongan boleh mempengaruhi motivasi bekerja, didapati 64% menyertai RTB atas dorongan sendiri manakala 8% atas desakan bekerja, ini bermakna kesedaran menyertai RTB timbul dalam majoriti peserta.

12. Maklumat tentang RTB

Maklumat merujuk kepada berita tentang RTB yang diperolehi oleh peserta sebelum mereka membuat permohonan.

JADUAL 16: Maklumat Diperolehi Tentang RTB

Maklumat	Bilangan	Peratus
Ketua Kampung	30	60
Kawan	10	20
Usaha sendiri	4	8
Akhbar, radio/TV	-	-
Punca lain	6	12
Jumlah	50	100

Ketua Kampung merupakan sumber utama peserta mendapat berita tentang RTB di mana 60% daripada peserta memperolehi maklumat itu daripada ketua kampung. Manakala akhbar, radio dan televisyen pula, tidak ada peserta yang mendapat tahu daripada punca tersebut.

Sumber maklumat lain ialah daripada kawan seramai 20% dan usaha sendiri 8% dan dari sumber lain 12%.

13. Kecenderungan politik

Kecenderungan peserta memilih parti politik ditunjuk dalam jadual.

JADUAL 17: Kecenderungan Politik

Parti Politik	Bilangan	Peratus
Barisan Nasional (BN)	36	72
PAS	11	22
DAP	2	4
PSRM	1	2
Jumlah	50	100

Majoriti 72% menyokong Barisan Nasional atas alasan seperti ia parti memerintah, perpaduan dan kemajuan dan majoriti yang memilih parti itu, 22% pula menyokong PAS atas alasan parti yang memperjuangkan Islam manakala 8% menyokong PSRM atas alasan parti itu dianggap agresif dan 2% menyokong DAP. Walaupun terdapat pandangan berbeza tentang parti pilihan masing-masing, tidak terdapat perpecahan di kalangan peserta kerana berlainan ideologi parti.

Dari data juga, kita boleh membuat andaian bahawa matlamat kerajaan untuk mendapat sokongan peserta kepada perjuangan Barisan

Nasional dan UMNO khasnya telah tercapai, di mana mereka telah memberi sokongan kepada parti yang memerintah walaupun masing-masing mempunyai alasan tersendiri dalam memilih calon-calon dalam pilihanraya.

BAB 3STRUKTUR DAN ORGANISASI PENTADBIRAN RTB II

Dalam pelaksanaan sebuah rancangan pembangunan tanah, ia melibatkan pihak pengurusan dan pelaksana dalam menentukan keberkesanan dan kejayaan rancangan. Oleh itu peranan kerajaan negeri dalam melaksanakan pentadbiran ke atas RTB amat jelas sekali kerana:

"RTB adalah rancangan pembangunan tanah kerajaan negeri dengan peruntukan sepenuh dari kerajaan negeri."

(Lim, 1967: 47)

Oleh kerana RTB merupakan projek kerajaan negeri maka ia mempunyai bidang kuasa yang tidak terhad ke atas RTB, dalam memudahkan pentadbiran, 2 bentuk/struktur pentadbiran telah dijalankan:

1. Pihak berkuasa.
2. Pihak pengurusan.

Pihak berkuasa bertanggungjawab mentadbirkan rancangan tersebut manakala pengurusan dan pelaksanaan dijalankan oleh Jabatan Pertanian negeri Perak.

3.1 Struktur Pentadbiran Pihak Berkuasa

Badan pentadbiran ini terdiri daripada satu jawatankuasa besar yang dilantik oleh kerajaan negeri, terdiri dari pegawai

kanan kerajaan dan pemimpin politik negeri. Ahli dalam jawatan-kuasa besar terdiri daripada, (lihat Carta I, Organisasi RTB Perak).

1. 3 ahli majlis mesyuarat negeri. Mereka dilantik berdasarkan kedudukan mereka sebagai ahli politik. Pelantikan mereka sebagai ahli jawatankuasa besar ditentukan oleh kerajaan negeri, pengurusi dalam jawatankuasa besar dipilih daripada kalangan mereka. Kedudukan dalam jawatankuasa besar tertakluk kepada kedudukan mereka dalam kerajaan negeri berdasarkan keputusan pilihanraya serta keputusan kerajaan negeri untuk mengekalkan kedudukan mereka atau melantik ahli majlis mesyuarat negeri yang lain bagi tempoh tertentu.
2. Setiausaha kerajaan negeri Perak.
3. Pegawai kewangan negeri.
4. Pengurus besar Perbadanan Pembangunan Pertanian Negeri (PPPN)
5. Pengarah pertanian negeri yang bertindak mewakili jabatan pertanian dalam pelaksanaan RTB.

Fungsi jawatankuasa besar ialah membuat dan menentukan dasar dan polisi bagi semua RTB Perak. Berdasarkan kepada kedudukan ahli dalam Jawatankuasa besar adalah terdiri dari ahli politik dan pegawai kerajaan, maka orientasi mereka dalam merangka polisi tidak


lari dari tujuan memenuhi matlamat kerajaan dan parti memerintah khasnya. Sebagai kumpulan perancang dan pembuat dasar, mereka sebenarnya yang memainkan peranan besar dalam menentukan kejayaan di RTB, ini adalah kerana mereka mempunyai 'authority' yang merupakan alat utama dalam memperolehi kepatuhan daripada orang lain.

Jawatankuasa besar juga berfungsi dalam mendapatkan peruntukan dari kerajaan negeri bagi membiayai pembangunan di RTB, oleh kerana RTB dibiayai sepenuhnya oleh kerajaan negeri maka menjadi tugas mereka untuk memastikan setiap sen daripada peruntukan yang dibelanjakan akan mendatangkan pulangan sama ada dari sudut sosial dan ekonomi kepada kerajaan umumnya dan belia khasnya. Sebarang kegagalan dalam pentadbiran dan merangka polisi untuk RTB boleh menimbulkan implikasi buruk kepada kejayaan di RTB, berdasarkan daripada pandangan peserta sendiri, mereka mengakui jawatankuasa besar yang banyak membuat keputusan ke atas RTB, dan yang pasti ialah ahli-ahli dalam jawatankuasa besar bertindak sebagai 'arm chair' dalam mentadbir RTB, keseluruhan responden mengatakan bahawa jawatankuasa besar tidak pernah datang ke RTB, oleh itu tidak wujud perhubungan langsung antara peserta dan ahli dalam jawatankuasa besar sebaliknya ikatan tersebut melalui perantaraan jabatan pertanian, ketiadaan hubungan tersebut ternyata dalam waktu awal RTB di mana telah timbul krisis peserta dan pentadbir, telah dibahaskan bahawa jawatankuasa besar terlalu sukar dan lambat dalam memenuhi sebarang tuntutan daripada peserta-peserta. Implikasi kepada keadaan ini telah menimbulkan

pertentangan antara peserta dan pentadbir, 75% peserta menganggap kelemahan utama pihak pentadbiran/pihak berkuasa kerana kerap tidak dapat memenuhi tuntutan mereka. Kita tidak menafikan akan bebanan tugas ahli dalam jawatankuasa besar kerana tanggungjawab mereka tidak semata-mata ke atas RTB tetapi berbagai tugas yang berkaitan dengan kerja mereka sama ada sebagai ahli politik atau pegawai kerajaan, ini telah menyebabkan tumpuan khusus terhadap RTB tidak dapat dilakukan sepenuhnya. Ini merupakan kelemahan utama perencana di mana mereka kerja merangka polisi tanpa memahami realiti keadaan.

CARTA I

CARTA ORGANISASI RTBK NEGERI PERAK 1982



3.2 Struktur Pentadbiran Pihak Pengurusan

Jabatan Pertanian telah diberi tanggungjawab untuk menguruskan RTB dan melaksanakan dasar-dasar yang telah dibuat oleh jawatankuasa besar. Kejayaan mempraktikkan dasar itu banyak ber�antung kepada keupayaan pihak pengurusan menjalankan RTB, jelasnya pelaksana hanya menerima dan melaksana saja dasar yang dibuat oleh pihak pembuat dasar, sekiranya pelaksana tidak kreatif dan tiada inisiatif, sudah pasti ia tidak berupaya untuk sesuai dasar dengan keadaan kehidupan peserta, ini dibuktikan ketidakupayaan pengurus awal dalam mengendalikan RTB. Keseluruhan responden mengakui terdapat tukar ganti dalam pengurusan sejak tahun 1970, 80% mengatakan tidak ada sebarang perubahan setiap kali pertukaran pengurus sehingga kehadiran pengurus masa kini yang menampakkan kejayaan. Wujudnya pertentangan antara dasar yang tidak "relevan" dengan praktisnya kerana RTB dijalankan oleh dua badan yang berasingan sedangkan dari segi praktisnya pihak pelaksana seharusnya lebih banyak kuasa dalam menentukan dasar di RTB. Akibatnya peserta menjadi mangsa kepada pertentangan antara teori dan praktis.

Dalam struktur pentadbiran peringkat kawasan pula, pihak jabatan pertanian telah membentuk satu jawatan pengarah khas untuk RTB yang beribu pejabat di Ipoh manakala kakitangan jabatan pertanian lain bertugas di pejabat RTB Perlop II,


pentadbiran di RTB Perlop terdiri daripada pengurus besar, pengurus, penyelia, pembantu teknik dan kakitangan lain (lihat Carta 2, organisasi pengurusan RTB). Pengurus besar adalah juga pengurus ladang. Ia dibantu oleh penyelia, pembantu teknik dan kakitangan lain, ini bermakna kakitangan jabatan pertanian bertindak mengawasi keseluruhan perjalanan RTB, Perlop. Mereka menjalankan tugas mentadbir RTB di mana seharusnya bijak dalam mengawal perbelanjaan yang diperuntukkan. Di sinilah letaknya peranan penting pengurus dalam menjamin keberkesanan RTB.

CARTA 2

CARTA ORGANISASI PENGURUSAN RTB PERLOP

PENGURUS BESAR

(MERANGKAP PENGURUS LADANG P.II)



Dari segi kelayakan, pengurus besar adalah pemegang diploma dari Universiti Pertanian Malaysia (UPM). Pengurus ladang terdiri dari juruteknik pertanian iaitu pemegang sijil dari institut latihan pertanian, penyelia pula adalah pemegang sijil latihan Pertanian Istimewa dari pusat latihan pertanian, berdasarkan kelayakan akademik tersebut, mereka telah diberi tanggungjawab dalam mentadbir RTB.

1. Pengurus

Merupakan orang paling berpengaruh dalam pentadbiran di RTB (II), 58% peserta mempunyai pandangan tersebut terhadap pengurus masa kini berbanding kedudukan penyelia iaitu 18% dan ketua kumpulan iaitu 24%, berbeza dengan kedudukan pengurus sebelum ini, pengaruh pengurus cuma 30% sahaja. Pada dasarnya pengurus mempunyai 'jurisdiction' di dalam kesemua perkara di RTB, bertanggungjawab kepada pengarah pertanian, mengawasi kelincinan dan pelaksanaan rancangan dan menentukan perbelanjaan RTB, ragam pengeluaran adalah bergantung kepada kebolehan pengurus, dalam RTB, apa yang nyata ialah pengurus mempunyai peranan ekonomi 'economic rule' dan tidak peranan sosial, ini adalah kerana ia tidak menetap di RTB dan ini secara tidak langsung hubungan sosial dengan peserta adalah jauh, kedudukan pengurusan kini ternyata banyak berbeza daripada pihak pengurusan sebelumnya. 74% akui pihak pengurus telah menjalankan tanggungjawab dengan sepenuhnya dan 87% selalu berbincang dengan pentadbir tentang masalah mereka, kelemahan pentadbiran sebelum

ini adalah kerana tidak memahami masalah peserta, tidak terlibat dalam aktiviti sosial dan kedudukan pengurus hanya sebagai pekerja yang dibayar gaji untuk tugas tertentu dan tugas itu terhenti di situ saja dan tidak meliputi bidang sosial kerana ia dianggap tidak ada hubungan dengan tugas mereka.

2. Penyelia

Bagi RTB II, terdapat seorang penyelia di samping pengurus untuk membantu menyelenggarakan tugas-tugas pentadbiran, dari segi kuasa, kedudukan penyelia lebih berpengaruh dalam pentadbiran di RTB pada peringkat awal, peranan penyelia tidak semata-mata mengawasi pengeluaran ladang tetapi kuasa yang diperolehnya telah menyebabkan ia tidak dapat menggunakan dengan cara yang dapat memuaskan hati peserta, krisis peserta dan pentadbir pada dasarnya merupakan pertentangan peribadi antara peserta dan penyelia.

3.3 Penelitian Struktur Pentadbiran Rancangan

1. Konsep kepimpinan lebih merupakan kepimpinan bercorak 'rule determine'. Mereka mempunyai fungsi dan tugas yang mesti dilakukan di dalam satu rangka institusi, mereka menjalankan tugas mengikut obligasi, di sinilah terletak peranan pengurus. Sejak kebelakangan ini pengurus telah memain peranan 'innovative leader' dan mempunyai inisiatif dalam memajukan RTB.

2. Peranan pengurus memerlukan penglibatan dalam aktiviti peserta dengan itu pengurus akan mendapat 'feed-back' daripada peserta, 87% peserta menganggap pengurus sebelum ini tidak bergaul dengan peserta dan jarang mengada lawatan ke ladang, 'pasif' dan tidak bijak dalam membuat keputusan, mereka lebih banyak menghabis masa di pejabat dan tugas diserahkan kepada penyelia dan ketua blok. Pada masa kini, pengurus secara langsung terlibat dalam urusan ladang dengan mengadakan lawatan ke ladang, dengan itu ia mendapat 'first information' tentang keadaan peserta dan ladang, bagi peserta pula 68% mendapat maklumat mengenai RTB daripada pejabat, 26% daripada kawan dan 6% usaha sendiri.
3. Kelemahan pengurus berlaku kerana kuasa yang diatur secara "vertikal", mengikut sistem birokrasi di mana kuasa dan kuat-kuasa dihad mengikut peraturan formal, ini bermakna tindakan pengurus tertakluk kepada arahan dan pihak atasan, halangan-halangan birokrasi dapat menjasaskan motivasi kerja bilamana cadangan dan perasaan tidak puas hati peserta tidak mendapat pertimbangan daripada pihak atasan.
4. Konflik pentadbiran dan peserta telah melemahkan rancangan tanah Belia. Pada awal sistem blok, hubungan kedua pihak adalah tegang dan mewujudkan krisis dalam rancangan dan tidak ada hubungan yang mesra antara peserta dan pentadbir, keadaan ini wujud dari unsur 'impersonality' yang terbit dari pihak birokrasi. Pemimpin atasan cuba mempertahankan "status quo" supaya tidak dipandang rendah

Oleh peserta, ini ketara sewaktu krisis di mana cara mereka menyelesaikan krisis dapat dipertikaikan khasnya penolakan rundingan sebagai cara terbaik untuk mengelakkan keadaan menjadi lebih buruk. Hubungan peserta dan pentadbir adalah dalam bentuk 'secondary relation' dan hubungan sementara, ini berbeza dari hubungan 'primary face to face' antara peserta. Walau bagaimanapun hubungan primary ini cuba diwujudkan oleh pengurus masa kini. Perlu ditegaskan, pertentangan pentadbir dan peserta tidak dalam bentuk nyata tetapi dalam bentuk tidak ketara khasnya dalam 5 tahun pertama di RTB. 65% telah menyatakan keadaan tidak puas hati tetapi tidak mahu menyatakan kerana bimbang kedudukan sebagai ahli RTB dan belum menamatkan tempoh, tetapi ia menjadi lebih nyata setelah wujudnya kesedaran tentang penindasan yang dirasakan telah dilaku oleh pentadbir.

5. Dalam struktur pentadbiran RTB II, apa yang menarik ialah terdapat kakitangan dalam pentadbiran merupakan peserta RTB. Mereka sama ada bekerja sebagai pemandu dan pengawal keselamatan, ini bermakna mereka mempunyai pekerjaan tetap sebagai kakitangan kerajaan di samping menjadi peneroka. Keadaan ini tidak seharusnya berlaku kerana ia boleh menimbulkan kesan buruk kepada matlamat penubuhan RTB untuk melahirkan petani belia yang progresif kerana dengan menyediakan kepada mereka peluang kerja seperti itu, secara tidak langsung telah menggalakkan peserta untuk mencari pekerjaan lain, walaupun pada pandangan pentadbir dengan cara ini boleh

meningkatkan pendapatan peserta tetapi ia hanya meliputi peratusan kecil peserta dan ini boleh menimbulkan rasa tidak puas hati di kalangan peserta lain.

6. Dalam organisasi pentadbiran juga, 88% peserta menganggap kakitangan pertanian terlalu ramai, jika matlamat sebenar RTB untuk melahirkan pembentukan satu masyarakat petani moden, mereka seharusnya lebih diberi tanggungjawab dalam mengendalikan ladang dengan menggunakan jentera dan teknik pertanian moden lain, ini untuk membolehkan mereka mahir dengan teknik-teknik moden tersebut. Jika tidak matlamat untuk 'diffuse' teknologi kepada petani tidak akan berjaya kerana kerja yang banyak menggunakan jentera lebih banyak dijalankan oleh kakitangan jabatan pertanian tambahan pula dengan waktu kerja kakitangan yang terlalu awal iaitu tamat pada pukul 1:00 tengahari berbanding dengan waktu kerja di jabatan kerajaan lain. Kakitangan yang ramai, ditambah pula dengan waktu kerja yang singkat membuktikan bahawa kakitangan pertanian tersebut tidak mempunyai banyak tugas dan ini merupakan satu pembaziran, keadaan ini akan terus berlaku kerana usaha ladang lebih banyak dilakukan oleh peserta dan tidak banyak yang dapat dilaku oleh kakitangan pertanian untuk mereka.

7. Kelemahan pentadbiran juga dapat dikait dengan pembahagian input dan penyediaan jentera yang tidak memuaskan, kerap terjadi baja yang tidak mencukupi untuk tempoh tertentu kerana pengagihan yang tidak seimbang di kalangan peserta. Dari segi jentera pula,

masalah utama ialah kesukaran mendapat alat-alat ganti untuk jentera yang rosak, ini menyebabkan berlaku kekurangan jentera dan menimbulkan masalah kepada kelincinan pengeluaran kelapa sawit.

Kerana kekurangan jentera juga telah menyebabkan keadaan jalan ladang adalah buruk terutama bila musim hujan, ini menyukarkan kerja membawa keluar buah kelapa sawit. Keadaan ini menyebabkan berlaku pembaziran kepada buah kelapa sawit yang tidak dapat dibawa keluar.

3.4 Kepimpinan Peringkat Bawah

Kepimpinan peringkat bawah merupakan pimpinan tidak formal yang dilantik oleh pentadbir bagi melicinkan pelaksanaan sistem kerja di RTB.

Di peringkat awal RTB, Lembaga Pengawas telah dibentuk terdiri dari kem komandan dan pembantunya untuk memberi latihan fizikal dan jasmani ala tentera untuk melahirkan belia patuh, sabar dan berdisiplin.

Dalam mengawasi kerja ladang, ketua platon telah dilantik dari kalangan peserta oleh kem komandan berdasar kepimpinan semasa latihan. Tugas mereka ialah memberi arahan bekerja kepada peserta.

Semasa sistem blok, tugas mengawasi dan memberi arahan bekerja telah dilakukan oleh ketua blok, ia juga bertanggungjawab menyelenggarakan pembahagian input dan memeriksa ladang.

Melalui sistem t0-30, ketua blok telah diganti oleh ketua kumpulan. Tugas mereka ialah menentukan kerja diselesaikan pada

masa ditetapkan dan memastikan kedatangan peserta.

Peranan kepimpinan tersebut tidak berkesan kerana mereka kerap menghadapi konflik dalam menjalankan tanggungjawab disebabkan terpaksa berhadapan dengan rakan-rakan sendiri di samping terpaksa menguruskan ladang masing-masing. Pada peringkat awal juga, peranan Pengurus kurang dalam mengendalikan ladang berbanding penyelia kerana dari segi arahan bekerja, peserta lebih banyak menerima arahan dari ketua; platon (75%) atau ketua blok (85%), perubahan walau bagaimanapun telah berlaku pada masa kini dengan pengurus banyak memberi arahan bekerja (62%) berbanding ketua kumpulan (30%).

3.5 Perwakilan peserta

Perwakilan peserta di RTB II telah dibentuk pada tahun 1973, terdiri daripada 5 orang yang dipilih oleh peserta dalam jangkamasa 2 tahun. Tugas mereka ialah:

1. Bertanggungjawab di atas hal ehwal kebajikan peserta .
2. Menjadi penghubung antara peserta dengan pentadbir, mewakili peserta dalam menyuarakan pendapat, pandangan dan rasa tidak puas hati, melalui perwakilan, perpaduan dapat diwujudkan dalam membuat tuntutan berhubung dengan masalah mereka.

Pada masa kini, 68% responden mengatakan perwakilan dapat meringankan masalah dengan menyuarakannya kepada pihak pentadbir. Manakala dari segi prestasi, 55% menganggap kejayaan dicapai adalah sederhana

25% memuaskan dan 20% tidak puas hati. Masalah utama perwakilan ialah wujudnya 'inter polalarisasi' akibat "communication gap", saranan peserta kerap ditolak seperti usaha-usaha mendapat kemudahan sosial yang lebih baik dan memakan masa lama sebelum dapat dilaksanakan, selain daripada itu mereka tidak ada peranan dalam membuat keputusan dalam pentadbiran di mana 80% peserta mengharapkan mereka diberi kuasa mentadbir rancangan, walaupun 75% berpendapat mereka memerlukan bantuan luar (Jabatan Pertanian) dalam mentadbir RTB II, ini kerana tidak cukup pengalaman dan kewangan.

3.6 Badan-badan Lain yang Terlibat dengan RTB

Perjalanan RTB juga melibatkan beberapa jabatan kerajaan lain seperti Jabatan Tanah dan Galian, Jabatan Ukur, Jabatan Perhutanan dan Jabatan Parit dan Tali Air (JPT). Tugas jabatan ini ialah menjalankan pilot 'survey', menjaga hutan dan sebagainya.

Di peringkat daerah, RTB II adalah di bawah bidang kuasa pentadbiran Sungai Siput iaitu di bawah kawasan dewan undangan negeri Kawasan Lintang, oleh itu kemudahan dari segi peruntukan disalur melalui pejabat daerah Kuala Kangsar, begitu juga dari segi pengundian di mana mereka mendaftar sebagai pengundi bagi Kawasan Lintang, ini melibatkan pertukaran alamat tetap kepada peserta.

3.7 Pembangunan RTB II

Pembangunan dilihat dari 2 aspek:

1. Pembangunan awal.
 2. Pelaksanaan RTB.
1. Pembangunan awal RTB (II)

Dalam proses pembangunan tanah RTB II, bentuk pembangunan diutamakan iaitu pembangunan pertanian dan petempatan.

i. Pembangunan pertanian

Pembangunan pertanian merupakan pembangunan ladang kelapa sawit. Kerja-kerja awal telah diserah kepada kontraktor, penyediaan ladang termasuklah membersihkan hutan, menanam, meneres, benih dan sebagainya. Ia meliputi kawasan seluas 1,126 ekar di mana cuma 900 ekar dimajukan manakala 226 ekar tidak sesuai dari segi fizikal untuk ditanam kerana bercerun curam.

Kos ke atas pembangunan awal merupakan kos DBB (perbelanjaan perlu dibayar balik oleh peserta), dianggarkan kos pembangunan awal adalah besar (data tidak diperolehi), keadaan ladang semasa diserah kepada peserta adalah tidak memuaskan di mana 65% menyatakan pokok banyak musnah dan terpaksa ditanam semula.

Dari segi peralatan ladang yang dibekal ialah 'sprayer-pum', cangkul, parang, kapak, raxes, sabit, tajak. Melalui sistem masa kini (70-30), peralatan itu dibeli sendiri oleh peserta, memandangkan kepada peralatan tersebut ternyata ia tidak merupakan teknologi yang 'advance' dalam kerja-kerja ladang.

ii. Penyediaan infrastruktur dan kemudahan asas pada peringkat awal

Kemudahan infrastruktur dan kemudahan asas termasuk dalam kos pembangunan awal, kos tersebut merupakan kos TDB (perbelanjaan yang tidak perlu dibayar kembali oleh peserta). Antara kemudahan yang disediakan ialah asrama, air, elektrik, dewan makan, kenderaan dan infrastruktur lain (kos tidak didapati), pembangunan dan penyediaan infrastruktur dan kemudahan asas diterus setelah peserta keluar dari asrama, pada tahun 1977 iaitu perumahan, jalanraya, surau, air, dewan.

2. Pelaksanaan RTB II

Peserta yang dipilih seramai 200 orang dihantar menjalani latihan di pusat latihan pertanian di Lekir dan Manong selama 3 bulan. Asas latihan termasuk aspek teknikal, pengurusan dan kepimpinan, latihan teknikal ialah untuk melengkapkan peserta dengan pengetahuan dan kemahiran dalam pertanian, di samping itu mereka diberi latihan dari segi aspek pembentukan moral, agama dan kesedaran sivik. Melalui latihan itu dapat melatih mereka membiasakan diri bagi menghadapi peraturan dan disiplin ketat di RTB, ia juga bertujuan mewujudkan nilai moral dan mengubah cara berfikir dan sikap mereka.

3.8 Sistem Kerja di RTB II

Peserta memasuki RTB pada 2.1.1970 dan ditempatkan di asrama. Sejak 1970 terdapat 3 sistem kerja diperkenalkan oleh pihak pentadbiran iaitu:

1. Sistem kolektif/roll call
2. Sistem blok
3. Sistem 70-30

1. Sistem kolektif/roll call

Pada permulaan, peserta menjalani 'routine' kerja yang 'rigid' sekali, 65% peserta menganggap sistem itu terlalu ketat tetapi sanggup menghadapinya untuk mendapatkan tanah.

Dua cara bekerja yang dijalankan:

- i. Sistem pekerjaan secara kolektif
- ii. Disiplin kerja melalui roll call

i. Sistem kerja secara kolektif

Seramai 85% dari peserta adalah ahli pesatuan belia, ini bermakna mereka telah biasa dengan aktiviti gotong-royong. Walaupun gotong-royong dan kerja cara kolektif di RTB memerlukan 'group sentiment' bagi mengukuhkan kumpulan tetapi di RTB, ia diperluat dengan pengurusan dari pegawai dan lebih 'rigid'.

Dari segi ekonomi, ia menguntungkan dari segi 'economic of labour', tenaga buruh dikumpul bersama dalam menjalankan kerja, masalah yang timbul ialah mengukur tahap kerja yang dilakukan oleh seorang peserta di mana andaian ialah mereka bekerja pada kadar yang sama dari segi tenaga dan kesungguhan tetapi pada realitinya mereka bekerja pada tahap usaha berbeza. Mereka juga hadapi bebanan kerja dalam sistem ini termasuk penanaman singkat masa seperti pisang,

ubi kayu dan kacang sedangkan elau yang kecil menimbulkan rasa tidak puas hati. Di sini jelas bahawa orientasi mereka menyertai RTB untuk mendapat pendapatan memuaskan di samping faktor mendapat tanah tetapi pandangan pihak pentadbir ialah memberi mereka asas latihan dan disiplin dalam mengerjakan ladang.

ii. Disiplin kerja melalui roll call

Ia merupakan satu 'jadual harian' bermula dari pukul 7 pagi dan tamat pukul 6 petang.

6.45 : Perbarisan dan latihan jasmani

8.00 : Kerja ladang

12.00 : Makan tengahari

1.00-5.00 : Kerja ladang

2 Sistem blok

Ia diperkenalkan pada tahun 1974, melalui sistem ini, lot ladang seluas 4 ekar dan 0.5 ekar kawasan tapak rumah diberi kepada peserta. Dari segi praktiknya pihak berkuasa lebih berkuasa ke atas lot tersebut dan pembahagian lot tidak berdasarkan sebarang perjanjian bertulis.

Melalui sistem ini, peserta bertanggungjawab ke atas lot-lot mereka. Oleh kerana kurang pemeriksaan dilaku ke atas ladang, 75% peserta akui keadaan ladang adalah buruk, ini adalah kerana kurangnya motivasi bekerja akibat pembahagian pendapatan yang tidak memuaskan. Sikap ini timbul akibat pembahagian elau tetap tanpa mengambil kira

prestasi pengeluaran setiap ladang, ini bermakna peserta yang kurang mengeluarkan hasil memperolehi elaun sama seperti peserta yang mengeluarkan lebih hasil; walaupun polisi pentadbir memberi kesedaran kepada peserta lebih daripada matlamat kemewahan dari segi pendapatan, tetapi pentadbir cuba mendapat semula pulangan dari pelaburan dengan menggunakan peserta sebagai tenaga pengeluar yang produktif, melalui elaun tetap, ia dapat mengurangkan kos buruh dan mendapat pulangan yang lebih terutama dalam keadaan harga kelapa sawit yang tinggi pada tahun 1970-an.

Fenomena lain semasa sistem blok ialah ramai peserta keluar mendapat pekerjaan di luar tanah rancangan, ini menyebabkan berlaku kekurangan buruh, tetapi apa yang menarik ialah mereka tetap mendapat $\frac{1}{2}$ elaun tetap, pihak pentadbir gagal mengatasi masalah tersebut walaupun surat amaran diberi tapi tidak ada penyingkiran dibuat.

Kelemahan pentadbiran di RTB semasa sistem awal telah menimbulkan rasa tidak puas hati kepada peserta dan menimbulkan konflik peserta dan pentadbir; 2 kejadian yang mengugat kelincinan pentadbiran ialah:

1. Mogok tahun 1973
2. Krisis 1978.

1. Mogok 1973

Mogok tersebut melibatkan seluruh RTB Perak iaitu Perlop I, II, III, Air Panas, Perlop Tanjung dan Seberang Perak. Sebab utama pemogokan ialah kerana masalah pendapatan yang kecil, hak milik tanah

dan masalah perumahan. Pemogokan tersebut melibatkan 500 peserta dan diadakan selama 3 hari 3 malam di Sungai Siput.

Pemogokan ditamatkan setelah pihak pentadbir menyedari imej mereka jatuh pada pandangan masyarakat sebagai pihak yang menjaga kepentingan belia serta menjelaskan perjalanan ladang. Mereka telah memberi persetujuan tidak resmi untuk menyediakan perumahan dan elauan galakan 10% untuk setandan buah kelapa sawit, walaupun pada dasarnya persetujuan itu tida-k setimpal dengan mogok yang dijalankan, tetapi telah menunjukkan kewujudan semangat setia kawan di kalangan peserta dan unsur konflik dalam RTB.

ii. Krisis peserta dan pentadbir

Krisis tersebut berlaku pada tahun 1977 melibatkan hanya Perlop II. Ia bermula dari rasa tidak puas hati berhubung dengan pendapatan dan kebijakan di mana pentadbir yang disifatkan telah mengeksplotasi tenaga mereka bagi keuntungan pentadbir sedangkan kepentingan mereka diabaikan.

Krisis menjadi nyata bila pihak pentadbir menahan elauan kebelakangan peserta selama 8 bulan dan telah mensyaratkan penerimaan kemasukan semula penyelia lama, kenyataan yang dikeluarkan oleh beliau telah menimbulkan kemarahan peserta yang menganggap hanya beliau saja dapat membetulkan keadaan di RTB II, keadaan ini pula ditambah pu1a dengan ketidaktentuan pengurusan di mana kerap berlaku tukar ganti pengurus dalam jangkamasa singkat serta mereka tidak diberi penjelasan tentang penyata kewangan.

Perwakilan peserta telah menghantar memorandum membantah ke-masukan semula penyelia lama dan penahanan elauan kepada pentadbir tetapi tidak diterima, krisis mencapai kemuncak apabila peserta mengurung timbalan pengarah pertanian kerana sikap dan tindakan yang tidak menyenangkan peserta-peserta. Di sini istilah kurungan boleh mengelirukan kerana timbalan itu cuma tidak dibenar keluar dari pejabat RTB II di Perlop. Beliau dibebas setelah satu laporan dibuat ke Balai Polis diikuti penarikan keluar semua pegawai dan kakitangan dari RTB, satu 'kawad cam' telah diadakan di mana 13 peserta yang terlibat secara langsung dalam penahanan timbalan pengarah telah disingkir dari RTB (lihat Lampiran 3, waran tangkap).

Dalam usaha menyelesaikan krisis, peserta telah mengadakan rundingan dengan pentadbir dan meminta jasa baik wakil rakyat tempatan tetapi tidak berjaya, akhirnya peserta mendapatkan khidmat peguam dari Syarikat Peguam Maxwell, Kenion, Lowdy dan Jones di Ipoh. Melalui peguamnya, peserta menuntut elauan yang ditahan dan penerimaan kembali peserta yang telah disingkir beserta elauan mereka (lihat lampiran 4 surat permohonan tersebut).

Krisis tersebut akhirnya diselesaikan di luar mahkamah. Wang elauun dan peserta yang disingkir diterima semula. Walaupun krisis telah berakhir tetapi ia tidak menamatkan 'ketenatan' perjalanan RTB, di mana jumlah peserta yang meninggalkan RTB semakin meningkat.

3. Sistem 70-30

Sistem ini dimulakan pada tahun 1985 oleh pengurus baru, ini kerana sistem blok tidak 'efficient' dan telah merugikan RTB II.

Melalui sistem ini, lot peserta dikekalkan dan konsep kerjasama kolektif diperkenalkan semula. Peserta bekerja mengikut kumpulan berdasarkan kategori kerja seperti mengambil buah, meracun dan kerja lain. Mereka diarahkan bekerja di tempat yang telah ditetapkan oleh pengurus, dalam satu kumpulan dengan seorang ketua kumpulan, ini bermakna mereka tidak semestinya bekerja di lot-lot sendiri. Waktu kerja ialah pukul 8.00 - 12.00 tengahari, manakala untuk kumpulan mengambil buah waktu kerja ialah 8.00-1.00, ini kerana buah kelapa sawit perlu dikutip dengan segera untuk dihantar ke kilang.

Dari segi pembahagian pendapatan, sistem 70-30 merujuk kepada pembahagian pendapatan dari jualan kelapa sawit dalam satu bulan antara peserta dan pentadbir pada nisbah 70-30. Bagi peserta, 70% daripada pendapatan digunakan untuk membayar upah kerja ladang/upah buruh seperti menebas, meracun, mengambil buah di mana upah tersebut berdasar jumlah hari bekerja dengan purata mereka dibayar \$10 sehari dan \$35 setan bagi kategori pengambil buah berdasarkan jumlah kelapa sawit yang diambil. Maka baki dari pembayaran tersebut atau 'baki bank' akan dibahagi sama rata di kalangan peserta.

Melalui sistem ini, dalam keadaan harga kelapa sawit tinggi dan pengeluaran banyak, pendapatan keseluruhan meningkat, daripada 70% hasil setelah ditolak pembayaran ke atas upah ladang, pendapatan

daripada 'baki bank' adalah besar, tetapi, dalam keadaan ekonomi meleset, 'baki bank' adalah kecil setelah ditolak upah ladang.

Bagi pentadbir, hasil 30% diguna untuk kos penyeliaan ladang dan kos semasa.

BAB 4PENILAIAN SOSIO-EKONOMI RTB II4.1 Analisa Kos dan Faedah Rancangan Tanah Belia Perlop II

Setiap rancangan pembangunan memerlukan pembiayaan berupa modal yang dilabur oleh pihak tertentu untuk memenuhi matlamat ekonomi, dari sudut 'commercial' pelaburan modal adalah untuk mendapatkan pulangan berupa keuntungan. Hakikat ini dapat dilihat di RTB II di mana kerajaan negeri yang membiayai sepenuhnya RTB mengharapkan pelaburannya mendatangkan pulangan yang memuaskan. Keuntungan yang diperolehi membolehkan pembiayaan balik kos pembangunan RTB dan kos penyeliaan semasa (Kos Semasa) RTB.

Jumlah keseluruhan pelaburan kerajaan ke atas RTB Perak berjumlah \$45,746,773 bagi tempoh 1969-1985 di mana peruntukan tersebut disalurkan di bawah peruntukan dalam Rancangan Malaysia Pertama (RM I), RM II, RM III dan RM IV. Peruntukan untuk RTB Perak di bawah RM I berjumlah \$2,864,186, di bawah RM IV berjumlah \$17,457,531 (lihat lampiran 5).

Bagi RTB II, keseluruhan peruntukan di bawah RM I, RM II, RM III, RM IV berjumlah \$8,738,369 atau 17.10% dari keseluruhan peruntukan untuk RTB Perak. Peruntukan di bawah RM I ialah berjumlah \$824,443, dalam RM II berjumlah \$2,070,310, memandangkan kepada kos yang tinggi itu, kerajaan negeri mengharapkan 'expectation' yang tinggi bagi modal yang telah dilaburkan.

Kos RTB boleh dibahagikan kepada 2 iaitu kos dibayar balik (DBB) dan kos tidak dibayar balik (TDB).

i. Kos dibayar balik (DBB)

Kos DBB merupakan segala perbelanjaan yang telah dikeluarkan untuk membiayai perkara seperti berikut:

1. Pembangunan tanah.
2. Baja dan kimia.
3. Benih.
4. Peralatan ladang.
5. Elaun peserta.
6. Makanan peserta.
7. Elaun galakan.
8. Sagu hati peserta.
9. Perumahan peserta.

Kos untuk kategori perkara (5) - (8) termasuk di dalam perbelanjaan semasa peserta menetap di asrama. Kos untuk kategori perkara (1) - (4) merupakan perbelanjaan semasa yang terpaksa ditanggung oleh pentadbir atau merupakan 'kos tetap'. Kos tersebut terpaksa dibayar kembali oleh peserta, di mana bagi perkara (5)-(9) merupakan perbelanjaan awal ke atas peserta manakala bagi perkara (1) - (4) merupakan kos semasa yang terpaksa ditanggung oleh pentadbir kos tersebut merupakan 'hutang' peserta kepada kerajaan. Walau bagaimanapun jumlah kos DBB untuk tiap-tiap peserta tidak dapat dikeluarkan.

ii. Kos tidak dibayar balik (TDB)

Kos TDB pula merupakan perbelanjaan untuk perkara berikut:

1. Pembangunan infrastruktur.
2. Kejenteraan ladang.
3. Selenggaraan dan pembaikan jentera ladang.
4. Gaji kakitangan dan elauan pengurus.
5. Selenggara pejabat.
6. Selenggaraan runcit.

Kos bagi perkara tersebut tidak perlu dibayar balik kerana ia merupakan 'kos tanggungan' kepada pentadbir.

4.2 Analisa Kos DBB Dan TDB Untuk RTB II

Analisa kos DBB dan TDB dilihat dalam konteks peruntukan di bawah rancangan pembangunan 5 tahun Malaysia. (Lihat lampiran 5) di bawah RMI, jumlah peruntukan untuk RTB II ialah \$824,443 atau 28.7% dari keseluruhan peruntukan bagi RTB Perak yang jumlah \$2,864,186 bagi tempoh tersebut (1968-1970). Kos DBB ialah \$420,137 manakala kos TDB ialah \$404,306, ini bermakna jumlah yang perlu dibayar oleh peserta ialah \$420,137 iaitu kos DBB atau hutang peserta kepada pentadbir atas pembiayaan kepada perkara-perkara seperti di atas. Perlu dijelaskan, peruntukan tersebut telah diguna bagi pembangunan awal RTB II, walaupun peserta mula masuk pada 1970, tetapi pembangunan awal telah dilaku pada tahun 1968 lagi,

oleh itu kos awal adalah besar.

Bagi peruntukan di bawah RM II (1971-1975) pada berjumlah \$2,070,660 atau 16.8% dari keseluruhan peruntukan untuk RTB Perak yang berjumlah \$12,262,788, ini bermakna terdapat tambahan peruntukan sebanyak \$1,246,217, ini kerana peserta telah mula menetap dan perbelanjaan ke atas penyeliaan ladang. Kos DBB ialah \$1,241,029 manakala kos TDB ialah \$829,631. Kos DBB yang besar berbanding kos TDB kerana pihak pengurusan ladang memerlukan peruntukan dasar untuk 'item' perbelanjaan DBB seperti baja, racun dan lain-lain.

Dalam RM III (1976-1980), kos keseluruhan ialah \$2,595,179 di mana \$1,666,288 adalah dari peruntukan di bawah RM III (1976-1980) atau 12.6% dari keseluruhan peruntukan untuk RTB Perak yang berjumlah \$13,165,261 manakala \$928,891 adalah perbelanjaan dari wang hasil, jumlah kos DBB ialah \$1,170,068 daripada keseluruhan kos DBB \$2,098,959. Ini bermakna sejumlah \$928,891 kos DBB telah dijelaskan oleh peserta manakala kos TDB ialah \$496,220. Kos DBB sebahagian besar kerana peruntukan membina rumah pada tahun 1977.

Dalam RM IV (1981-1985), jumlah peruntukan ialah \$1,589,678 atau 18.6% daripada keseluruhan peruntukan untuk RTB Perak yang berjumlah \$17,459,531. Kos yang dibiayai daripada wang hasil ialah berjumlah \$1,238,891 menjadikan keseluruhan kos ialah \$3,248,087 di mana kos DBB adalah \$2,827,704 dan kos TDB ialah

\$420,303.

Dari keseluruhannya, dari jumlah besar peruntukan bagi RTB (II) di bawah empat rancangan tersebut iaitu RM I, RM II, RM III dan RM IV berjumlah \$8,738,369 di mana keseluruhan kos DBB ialah \$6,587,909. Kos tersebut merupakan hutang peserta kepada kerajaan negeri manakala kos TDB adalah \$2,150,460.

Dari jumlah keseluruhan modal yang telah dikeluarkan sebanyak \$8,738,369, pihak pengurusan hanya berupaya memperolehi \$2,167,782 dalam bentuk wang hasil untuk menutup kos DBB yang berjumlah \$6,587,909. Ini bermakna pihak pentadbir mempunyai tunggakan hutang berjumlah \$4,420,127 daripada peserta, dengan mengambil kira 159 orang peserta di RTB, purata kos DBB bagi tiap-tiap peserta secara purata ialah \$27,799,54.

Dengan jumlah hutang yang besar tersebut, adalah sukar bagi peserta untuk membayar kembali, tambahan pula dalam keadaan pendapatan yang merosot, ini ditambah pula kos DBB sentiasa bertambah dari masa ke semasa. Oleh itu masalah timbun-tambah kos DBB merupakan masalah kepada peserta dan atas alasan itu pihak pengurusan nampaknya terpaksa mengambil masa yang lama untuk mendapat kembali kos DBB dan ini bermakna kawalan mereka ke atas RTB tidak mungkin diserahkan kepada peserta. Masalah bebanan hutang yang ditanggung oleh peneroka adalah kerana banyak perbelanjaan dikeluarkan bagi pembangunan awal seperti pembukaan hutan, pembinaan rumah, pem-

bekalan buruh dan baja yang dijalankan oleh kontraktor, tidak dapat dinafikan kontraktor sebolehnya mahu mendapat keuntungan semaksima dan kos seminima dalam menjalankan tugas. Segala perbelanjaan itu telah dibebankan sebagai hutang kepada peneroka walaupun mereka tidak dikenai sebarang faedah ke atas hutang tersebut. Implikasi sosial kerana bebanan hutang itu telah timbul rasa tidak terjamin dan kegelisahan di mana 85% dari peserta menganggap beban hutang itu merupakan perkara yang tidak mungkin dapat mereka selesaikan. Terdapat beberapa sebab penting mengapa timbul keadaan itu.

1. Peserta dahulunya sering berhutang dengan orang perseorangan seperti orang tengah dan tuan tanah, tapi kini mereka berhutang kepada satu badan yang 'impersonal'. Ini boleh menimbulkan kesan psikologi kepada peserta dalam memikirkan hutang mereka seperti perasaan tidak tenteram dan tertekan. (Robert Ho, 1965).
2. Peserta tidak dijelaskan tentang jumlah hutang sebenar dan atas dasar apa pemotongan dibuat. Apabila keraguan ini timbul, soal hak milik tanah akan ditimbulkan, mereka tertanya-tanya, bila hutang akan selesai dan bila mereka akan mendapt hak milik tanah. Selagi hutang tidak selesai dan tanah belum menjadi hak milik, maka kegelisahan akan mengugat 'commitment' mereka dengan pentadbir. (S. Husin Ali, 1974).

3. Kemungkinan hutang baru akan muncul menyebabkan peserta tidak senang hati. Keadaan ini termasuk pembiayaan untuk memperbaiki rumah, di samping itu peserta kini terpaksa menggunakan pendapatan mereka bagi menara keluarga dan perbelanjaan lain ke atas keluarga mereka, ini bermakna mereka tidak mempunyai 'lebihan pendapatan' bagi membayar hutang tersebut.

Jelasnya peserta 'menunggu dan melihat' perkembangan selanjutnya berhubung dengan masalah hutang mereka. Adalah pasti bahawa hutang yang dianggap terlalu besar tidak akan dapat diterima oleh peserta, ini adalah kerana mereka telah menganggap pihak pentadbiran telah memperolehi keuntungan pada masa awal RTB (II) di mana melalui sistem blok, keuntungan dimonopoli oleh pentadbir sedangkan mereka hanya diberi elau bulanan yang kecil jumlahnya.

4.3 Analisa Kos Untuk Satu Tahun (1983)

Peruntukan dalam RMK (1971-1975) untuk RTB, Perak berjumlah \$12,262,788 di mana bagi RTB II, berjumlah \$2,070,810 bagi tempoh 1971-1978. Peruntukan untuk satu tahun (tahun 1983) berjumlah \$362,000, perbelanjaan ialah \$238,361.94 atau 79%. Peruntukan bagi tahun 1983 merupakan 6.7% dari keseluruhan peruntukan bagi RTB II di bawah RM 11. (Lihat lampiran 6).

4.4 Analisa Pengeluaran dan Hasil/Pendapatan

Luas keseluruhan RTB II ialah 1,126 manakala luas ditanam dengan kelapa sawit ialah 900 ekar dan dari jumlah itu luas kawasan

yang telah mengeluar hasil ialah 743 ekar (sehingga 1981) di mana pengeluaran telah bermula pada tahun 1974, luas kawasan mengeluar hasil meningkat kepada 800 ekar pada 1982.

Pengeluaran pertama pada tahun 1974 adalah berjumlah 683.4212 tan dan hasil pula berjumlah \$93,219.76 bagi tahun 1978 pula pengeluaran ialah 1,865.4976 tan dengan hasil sebanyak \$141,712.87. Pada waktu ini peserta berada dalam sistem kolektif, ini bermakna jumlah pengeluaran ialah 2,548.9188 tan dengan pendapatan berjumlah \$234,932.63. (Lihat lampiran 7).

Semasa dalam sistem blok, pengeluaran bagi tahun 1976 berjumlah 2,780.6045 tan dengan hasil sebanyak \$385,813.83, pengeluaran kemudian merosot kepada 1,446.3409 dengan jumlah pendapatan \$265,758.82, pengeluaran pada tahun 1977 merosot kepada 1,446.3405 dengan pendapatan berjumlah \$265,758.82. Keadaan ini adalah kerana berlakunya krisis peserta dan pentadbir : mengakibatkan banyak daripada kerja ladang tidak dilakukan khasnya kerja mengambil buah. Pengeluaran meningkat semula kepada 2,137.7322 pada tahun 1978 dengan pendapatan \$373,188.73, ditandai oleh tamatnya krisis pada tahun tersebut. Pengeluaran turun sedikit kepada 1,998.4757 pada tahun 1979 dengan pendapatan \$434,399.14. Keadaan ini menunjukkan kesan penghijrahan keluar peserta dari RTB yang telah bermula dengan banyak pada tahun 1977, pengeluaran pada tahun 1980 walaupun masih berada tinggi daripada tahun sebelumnya iaitu 2,844.6000 tan dengan pendapatan \$506,667.82.

Pada tahun 1982, pengeluaran meningkat kepada 3,336.3537 tetapi perlu ditegaskan bahawa pada tahun ini luas kawasan yang telah mengeluarkan hasil telah meningkat daripada 743 ekar kepada 800 ekar. Oleh itu peningkatan pengeluaran lebih kerana luas kawasan dan tidak kerana produktiviti peserta; jumlah pendapatan pula berjumlah \$587,496.13, bagi tahun 1983, jumlah pengeluaran stabil pada 3,964.7404 dengan pendapatan berjumlah \$770,166.87.

Bagi tahun 1984, kita dapati pengeluaran telah meningkat mendadak kepada 5,750.4550 dengan pendapatan berjumlah \$1,625,943.88

adalah kerana pengenalan sistem 70-30. Sistem ini telah memberikan lebih insentif kepada peserta untuk meningkatkan produktiviti. Keadaan ini berterusan dalam tahun 1985 apabila pengeluaran berada pada 5728,52 tan dengan pendapatan merujuk kepada pembahagian 30% kepada pengurusan iaitu \$366,270.49, atau pendapatan keseluruhan \$1,221,485.17.

Kedudukan pengeluaran kelapa sawit dapat diperjelas melalui graf 1, daripada graf kita dapati pengeluaran adalah turun naik di mana pengeluaran tertinggi dicatatkan ialah pada tahun 1984 berjumlah 5,824.36 tan.

GRAF 1: PENGELUARAN KELAPA SAWIT RTB II (1970-1985)

Skel:

Menegak 1 cm = 50 ton

Mendatar 5cm = 1 tahun

Berdasarkan dariada analisa pendapatan, kita dapat faktor harga kelapa sawit mempengaruhi pendapatan, bagi tempoh tahun 1979, pengeluaran hanya berjumlah 1,998.4737 berbanding pengeluaran sebelumnya iaitu 2,137.7322 pada tahun 1978 tetapi pendapatan bagi tahun tersebut adalah lebih tinggi daripada tahun sebelumnya iaitu \$434,399.14 berbanding \$373,188.73 pada tahun sebelumnya 1978.

Keadaan ini dapat juga dilihat pada tahun 1982, pengeluaran adalah 3,336.3539 iaitu lebih besar daripada pengeluaran pada tahun 1981 iaitu 2,981.7357 tetapi pendapatan bagi tahun 1981 iaitu \$615,959.18 lebih tinggi daripada pendapatan tahun 1982 iaitu \$587,496.13.

Keadaan harga kelapa sawit yang tidak stabil lebih banyak memberi kesan ke atas peserta apabila sistem 70-30 diperkenalkan, berdasarkan kedudukan harga pada tahun 1984, paras harga tertinggi ialah \$420.40 setan, pada bulan Januari dan jatuh kepada kepada \$252.00 pada bulan Disember dan bagi tempoh tahun 1985, harga terus jatuh pada paras \$151.70 setan pada bulan Disember.

Kedudukan harga dapat kita lihat dalam Lampiran 8 di mana kadar harga berubah tiap-tiap bulan, ini kerana harga ditentu oleh permintaan dan penawaran kelapa sawit di pasaran dunia, sekira permintaan besar daripada penawaran, paras harga akan naik sebaliknya jika paras penawaran lebih besar daripada permintaan, paras harga akan turun.

Ini menunjukkan pergantungan kuat masa depan dan pendapatan peneroka terhadap harga kelapa sawit. Sebarang kenaikan dan / atau penurunan pendapatan peserta adalah bergantung kepada sama ada harga kelapa sawit stabil dan sebaliknya, turun naik harga bukanlah sesuatu yang boleh dikawal oleh pentadbir. (Mohamad Daud, 1975: 11).

Ketidakstabilan harga komoditi atau barang asas telah menjadi satu fakta yang telah diakui oleh ahli-ahli ekonomi dan ini merupakan masalah besar yang dihadapi oleh negara dunia ketiga, di mana mereka sentiasa terkongkong pada jalinan struktur sistem pemasaran kapitalis antarabangsa negara - tempatan.

4.5 Analisa Purata Pengeluaran Seekar

Purata pengeluaran kelapa sawit seekar RTB II dan FELDA ditunjukkan dalam jadual:

JADUAL 18: Perbandingan Purata Pengeluaran
RTB II Dan FELDA (tan seekar)

Umur Kelapa Sawit	A _{RTB II}	B _{FELDA}
3	0.5	0.85
4	3.6	2.3
5	6.3	3.4
6	7.6	1.8
7	8.0	2.6
8	8.5	2.4
9	8.8	3.5
10	9.0	3.7
11	9.0	4.17
12	9.0	4.9
13	9.0	7.2
14	9.0	7.1

A Sumber: Pejabat RTB, Ipoh


B Sumber: Jengka Triangle Report Trippet
 Abbet MacCauthy Stratton Hunting
 Technical Sources Ltd., 1973, m.s. 109

Purata pengeluaran RTB II adalah rendah berbanding purata pengeluaran FELDA. Tahun ketiga kelapa sawit mengeluarkan hasil, purata RTB II ialah 0.5 berbanding FELDA 0.85. Purata pengeluaran FELDA terus meningkat ke tahap maksima 9.0 tan pada tahun ke 10, bagi RTB II, purata pengeluaran mencapai tahap 7.2 tan pada tahun

ke-13. Ia menunjukkan peningkatan purata melalui sistem 70-30 berbanding purata pengeluaran dalam sistem kolektif dan blok. Perbandingan purat pengeluaran RTB II bagi tahun 1982, 1983, 1984 dan 1985 disertakan dalam lampiran 8.

Berdasarkan graf 2, purata pengeluaran jelas meningkat pada tahun 1984. Dari analisa purata pengeluaran menunjukkan ragam pengeluaran berbeza di mana produktiviti yang rendah, ini adalah kerana pergerakan pencapaian (TS) peserta adalah rendah pada peringkat awal akibat kurangnya motivasi bekerja.

GRAF 2: PERBANDINGAN PURATA PENGETAHUAN KELAPA SAWIT
RTB, PERLOP DENGAN FELDA



4.6 Pendapatan Peserta

Pendapatan merupakan aspek penting untuk memastikan ia memenuhi keperluan hidup sehari-hari.

i. Profile pendapatan peserta

Pendapatan peserta boleh dibahagikan kepada 3 kategori berdasarkan sistem yang dijalankan.

1. Pendapatan semasa sistem kolektif
2. Pendapatan semasa sistem blok
3. Pendapatan semasa sistem 70-30

Bagi kategori (1) dan (2) merupakan pendapatan permulaan manakala kategori (3) merupakan pendapatan semasa kajian.

1. Pendapatan permulaan peserta (elaun tetap)

Kedudukan pendapatan ditunjuk dalam jadual seperti berikut:

JADUAL 19: Pendapatan Permulaan Peserta di RTB II
(\$/Bulan)

Tahun	70	71	72	73	74	75	76	77	78	79	80	81	82	83
Pendapatan	10	10	30	105	105	125	125	125	125	175	175	175	175	175

Sumber: Pejabat RTB II, Ipoh

Melalui sistem kolektif dan blok, elaun tetap diberi bermula \$10 pada tahun 1970 hingga \$175 pada tahun 1983, 65% responden ber-

pendapat pendapatan itu tidak mencukupi terutama bila mereka telah berkeluarga. Peningkatan dalam kos hidup cuma disertai oleh peningkatan eluan tetap yang kecil, bagi tempoh 1975-1979, kenaikan ialah \$50 atau 40%, ini bermakna pentadbir tidak mempertimbangkan sebarang perubahan dalam peningkatan kos hidup peserta dengan mengekalkan tahap eluan tetap bagi masa yang lama, kurangnya motivasi bekerja adalah kerana perubahan dalam pengeluaran tidak mempengaruhi pendapatan, kawalan pentadbir ke atas hasil tidak sukar difaham kerana mereka mahu mendapat kembali modal yang telah dilabur dan RTB II merupakan 'asset' kepada mereka.

2. Pendapatan masa kini

Kedudukan pendapatan ditunjuk dalam jadual.

JADUAL 20: Perbandingan Pendapatan Peserta

+Pendapatan \$/Bulan	Kampung		Semasa Kajian		*Pendapatan Tertinggi di RTB Pernah Dicapai	
	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%
0- 99	21	42				
100-199	17	34				
200-299	12	24	22	44		
300-399			14	28		
400-499			8	16	4	8
500-599			4	8	15	30
600-699			2	4	16	32
700-799					2	4
800-899					8	16
900-999					-	-
1000-1099					5	10

Sumber: Data Responden

* Merujuk pada waktu harga kelapa sawit tinggi (1984)

+ Pendapatan termasuk pendapatan tambahan.

Melalui sistem 70-30, peserta terpaksa menghadapi risiko pendapatan tidak tetap akibat harga kelapa sawit yang tidak stabil, bagi tahun harga tinggi (1984), pendapatan lebih tinggi daripada pendapatan masa kini di mana pendapatan minima ialah \$400-\$499 berbanding pendapatan minima masa kini \$200-\$299 meliputi majoriti peserta(44%), pendapatan tersebut adalah lebih baik daripada pendapatan semasa di kampung di mana 42% berpendapatan \$0-\$99.

Graf 3 menunjukkan graf pendapatan peserta di mana pendapatan masa kini lebih tinggi daripada pendapatan semasa di kampung tetapi rendah berbanding pendapatan semasa keadaan harga tinggi.

4.7 Pendapatan Tambahan

(i) Tahap pendapatan tambahan


Kedudukan pendapatan tambahan ditunjuk dalam jadual

JADUAL 21: Pendapatan Tambahan

Pendapatan Tambahan \$/bln	Bilangan	Peratus
-	15	30
50	21	42
50-100	8	16
± 100	6	12

Sumber: Data responden

GRAF 3: PERBANDINGAN PENDAPATAN PESERTA



Skel:

Menegak 1cm = 10

Mendatar 1cm = 1 orang

Terdapat perbezaan pendapatan tambahan di mana 30% tidak ada sebarang pendapatan tambahan berbanding 12% memperolehi ± 100 kedudukan pendapatan juga berbeza mengikut sumber:

JADUAL 22: Pendapatan Tambahan Mengikut Sumber

Sumber Pendapatan	Jumlah \$	Bilangan Peratus
Perniagaan	± 100	3
*Kebun kecil	50-100	28
Ternakan	50	4
Dan lain-lain	-	-

Sumber: data responden

* Rujuk pada tanah seluas 0.5 ekar

Sumber utama pendapatan tambahan tertinggi ialah dalam perniagaan, sumber pendapatan lain ialah dari kebun kecil yang ditanami dengan tanaman khasnya pisang untuk dijual. Pembahagian pendapatan ini walau bagaimanapun longgar sifatnya kerana terdapat peserta menjalani berbagai aktiviti dan tidak khusus kepada sesuatu usaha sampingan dan berdasarkan 'nilai tunai', ini bermakna terdapat peserta menjalani aktiviti sampingan tapi tidak menjualnya.

4.8 Pendapatan Dianggap Mencukupi Bagi Peserta

Penilaian pendapatan mencukupi dari sudut pandangan peserta melibatkan pendapatan yang dianggap memadai dan memuaskan bagi "standard of living" peserta dan keluarga.

Pendapatan memadai dinilai secara menganggarkan kos barang dan perkhidmatan bagi kehidupan selesa dan baik, berdasarkan model bagi ahli 'Malayan Agriculture Production Association (MAPA) di mana dicadangkan pendapatan untuk mengekal 'standard of living', melalui persetujuan dengan 'National Union at Plantation Workers (NUPW) - 'MARA and NUPW wage aggrement' telah dibentuk pada Februari 1968 dan ditandatangani di mahkamah industri pada Mac 1968.

Melalui persetujuan, pekerja ladang mendapat 'for wage' bagi usaha-usaha buruh, ia didefinisikan sebagai 'a mean between the minimum of subsistence wage and the living wage, 'living wage'. Menurut NUPW ialah 'wage sufficient to provide not only the absolute essentials of food, shelter and clothing but also for education of children, for protection, ills, health and for a condition of frigal comford" (Malaysia, Industrial Court, Wage aggre ment, 1968: 10).

Dari data dikumpul pendapatan mencukupi bagi peserta adalah berbeza.

JADUAL 23: Pendapatan Memadai Bagi Peserta

Pendapatan memadai \$/bln. Bil. Tanggungan	200-299	300-399	400-499	500-599	600-699	Jumlah
1	-	1	1			2
2	-	3	1	1	-	5
3		9	2	4	-	15
4		1	10	4	3	18
5		-	-	2	1	3
6		1	-	1	1	3
7		-	-	1	-	1
Bujang		3				3

Sumber: Data responden

Bilangan keluarga rujuk Jadual 9, Bab I, hal. 40.

Dari jadual, daripada 94% peserta yang telah berkeluarga, 76.5% adalah keluarga sederhana iaitu tanggungan 3 orang, 4 orang dan 5 orang, pendapatan memadai bagi kategori ini ialah antara \$300-\$399 hingga \$500-\$599, bagi keluarga besar, kategori anak 7, pendapatan memadai besar iaitu \$500-\$599 dan bagi kategori kecil iaitu anak 1 dan 2, pendapatan memadai ialah \$300-\$399 manakala bagi bujang ialah \$300-\$399.

Didapati, walaupun saiz keluarga kecil tetapi ada peserta memerlukan pendapatan besar seperti kategori anak 2 dengan pendapatan memadai \$500-\$599, sebaliknya peserta anak 6 pendapatan memadai lebih \$300-\$399. Jelasnya faktor saiz keluarga tidak merupakan faktor menentukan pendapatan memadai, alasan utama memilih pendapatan memadai ialah perbelanjaan besar, harga barang mahal dan saiz keluarga besar.

Hubungan antara pendapatan dan jumlah keluarga dapat menunjukkan keperluan peserta kepada pendapatan lebih baik. Korelasi pendapatan dan jumlah tanggungan ditunjuk dalam jadual:

JADUAL 24: Korelasi Pendapatan dan Jumlah Tanggungan

Bilangan Anak Pendapatan \$ bln.	(1)	(2)	(3)	(4)	(5)	(6)	(7)	Jumlah
200 - 299	1	(b)	7	9(b)	2	2		22
300 - 399		1	6(b)	6			1	14
400 - 499	1	2	3	2				8
500 - 599		1		1	1	1		4
600 - 699		1		1				2
Jumlah	2	6(5)	6(15)	19(8)	3	3	1	

Kedudukan pendapatan peserta, rujuk Jadual 20 m.s. 90 Bab 4, Kedudukan Keluarga prokriasi, Jadual 9, m.s. 40, Bab 1.

(b) * termasuk seorang bujang

() = jumlah tanggungan

Dari jadual, kita dapat beberapa keadaan berhubung dengan pendapatan masa kini, pendapatan memadai dari saiz keluarga.

Berdasar pendapatan masa kini bagi kategori anak 1, terdapat mereka memenuhi pendapatan memadai dan tidak memenuhi pendapatan memadai kerana berpendapatan \$200-\$299 rendah daripada pendapatan memadai kategori itu.

Bagi saiz keluarga sederhana bagi tanggungan 3, 4 dan 5, 10 orang pendapatan memadai \$300-\$399, 12 pendapatan memadai \$400-\$499 dan 10 pendapatan memadai \$400-\$499, berbanding pendapatan masa kini, 19 orang berpendapatan \$200-\$299 (termasuk 1 bujang), 12 orang berpendapatan \$300-\$399 dan 5 berpendapatan \$400-\$499. Ini bermakna terdapat mereka tidak mencapai pendapatan memadai.

Dari kategori keluarga besar, iaitu anak 6 dan 7, 5 orang pendapatan memadai \$300-\$399, 2 pendapatan memadai \$500-\$599 dan 1 pendapatan memadai \$600-\$699, berbanding pendapatan masa kini, 2 berpendapatan \$200-\$299 merupakan kumpulan paling teruk kerana saiz keluarga besar tetapi pendapatan kecil, ini kurang dirasai oleh peserta dalam kategori sama tapi pendapatan lebih besar.

Bagi kategori bujang, pendapatan memadai \$300-\$399 tetapi kedudukan pendapatan masa kini berbeza tetapi mereka tidak menghadapi masalah kerana tidak mempunyak keluarga, walaupun terdapat di antara mereka pendapatan masa kini rendah daripada pendapatan memadai.

4.9 Analisa Perbelanjaan

Kadar perbelanjaan dianalisa mengikut pendapatan, meliputi perbelanjaan ke atas barang keperluan dan perkhidmatan.

JADUAL 25: Kadar Perbelanjaan (\$/bulan)

Pendapatan Item	200-299	300-399	400-499	500-599/ 600-699
Makanan	214.4	238.05	242.1	262.5
Pakaian	48.7	41.125	41.4	51.2
Air	6.4	8.3	6.14	8.2
Pengangkutan	6.2	21.6	7.8	5.75
Rokok	30.6	28.3	18.16	26.4
Motor	23.56	30.7	46.25	31.25
Sekolah	17.5	14	24	21.5
Dan lain-lain	7.3	7.1	6.3	5.2
Jumlah	354.66	389.77	392.55	438.4

Sumber: Data responden

Dari jadual, kategori berpendapatan besar berbelanja tinggi berbanding kategori berpendapatan rendah. Makanan merupakan bahagian utama bagi perbelanjaan iaitu 60% dari keseluruhan perbelanjaan bagi kategori \$200-\$299, berbanding 59.8% bagi kategori \$500-\$599/\$600-\$699 iaitu, peratusan besar ke atas makanan dari perbelanjaan rendah adalah kerana "semakin rendah taraf pendapatan seseorang, semakin tinggi proportion perbelanjaan ke atas makanan terutama beras,. (Ungku Aziz, 1964: 39).

4.10 Hubungan Perbelanjaan dengan Keluarga dan Pendapatan

Berdasarkan jadual 24 dan 25, bagi kategori pendapatan \$200-\$299, 22 berbelanja \$354.66, kadar perbelanjaan lebih daripada pendapatan di mana terdiri dari mereka paling ramai 7 orang anak 3 dan 8 orang anak 4, manakala bagi kategori berpendapatan \$400-\$499, perbelanjaan \$392.15, pendapatan melebihi perbelanjaan terdiri daripada 8 orang peserta dengan paling ramai ialah dalam kategori anak 3 iaitu 3 orang.

Berdasar purata keluarga Melayu luar bandar iaitu 5.9 orang, dengan pendapatan \$171 per bulan (1957, 1975), jika kos hidup naik 1%, pendapatan perlu ialah \$200 per bulan pada harga 1971, merupakan pendapatan memadai untuk perbelanjaan dan sedia keperluan untuk meningkat standard of living. Ini bermakna pendapatan itu mengatasi garis kemiskinan yang ditakrifkan meliputi keperluan minimum bagi menampung taraf hidup yang sesuai (RMT, 1976: 6), berdasar keadaan RTB II, pendapatan \$200 tidak memadai kerana perbelanjaan yang besar.

4.11 Pemilikan Barang Tahan Lama

Barang yang dimiliki ditunjuk dalam jadual.

JADUAL 26: Pemilikan Barang Tahan Lama

Pendapatan Item	200-299	300-399	400-499	500-599
Kereta	0	0	2	1
Motor	16	12	8	4
Televisyen	5	16	8	4
Kerusi set	3	6	4	4
Mesin jahit	12	11	4	3
Dapur gas	3	5	2	3
Dapur minyak	22	15	7	4
Ubah suai rumah	15	12	8	4

Sumber: Data responden

Kemampuan membeli barang tahan lama lebih ketara kepada kategori berpendapatan tinggi di mana mampu memiliki kereta, motor, tv dan barang lain.

Berdasar data, 65% pembelian barang adalah secara ansuran atas alasan pendapatan tidak mencukupi, pembelian barang dan ubah suai rumah banyak dilakukan pada masa harga kelapa sawit tinggi (Gambar 2)



Gambar 1: Rumah Asal



Gambar 2: Rumah Yang Telah Diubah-Sua i

4.12 Tabungan

Kesemua peserta mempunyai ekaun di Bank dan Pejabat Pos, walaupun bagaimanapun, simpanan adalah berbeza.

JADUAL 27: Tabungan Peserta

Tabungan	Bilangan
± 100	39
± 500	9
± 1000	2

Sumber: Data Responden

Dari jadual, menunjukkan paling ramai mempunyai tabungan ± \$100 dan cuma 2 orang ± \$1000. Ini menunjukkan kadar tabungan adalah rendah kerana pendapatan yang kecil.

Dari segi pelaburan, 75% telah melabur dalam Amanah Saham Nasional (ASN) dan 39% dalam Lembaga Urusan dan Tabung Haji (LUTH).

4.13 Guna Tenaga di RTB II

Pembukaan RTB diharap dapat memberi peluang pekerjaan kepada belia di samping menjadikan petani progresif dan moden, kedudukan bilangan peserta ditunjukkan dalam jadual.

JADUAL 28: Kedudukan Bilangan Peserta

Tahun	Bilangan
1970	200
1974	159
1986	135

Dari jadual, 159 peserta menamatkan tempoh 5 tahun dan berhak mendapat hak milik seluas 4.5 ekar, daripada jumlah tersebut, 24 orang telah keluar dan tidak menetap di RTB, manakala 40% dari responden juga pernah keluar tetapi kembali semula setelah diberi amaran dan peruntukan elauan hasil tidak diberi kepada peserta yang tidak menetap di RTB. Kedudukan responden yang keluar ditunjuk dalam jadual.

JADUAL 29: Kedudukan Responden Yang Keluar
Dan Kembali Berdasarkan Tahun

Tahun	Bilangan Keluar	%	Bilangan Kembali	%
1975	2	4	1	5
1976	1	2		
1977	1	2		
1978	7	14	1	5
1979	4	8	2	10
1980	1	2	2	10
1981	2	4		

1982	1	2	3	15
1983	1	2	7	35
1984			4	20
Jumlah	20	*A ₁₀₀	20	*B ₁₀₀

*A% dari seluruh peserta

*B% dari bilangan yang telah keluar

Paling ramai responden keluar pada tahun 1978 iaitu 14 orang, ini berhubung dengan krisis tahun 1977. Jumlah responden kembali pula paling ramai pada tahun 1983 iaitu 35% berbanding yang keluar dari RTB II pada tahun itu, ini kerana pengurusan yang telah bertambah baik di samping faktor harga kelapa sawit yang tinggi.

Kemerosotan peserta membuktikan kebenaran teori pergerakan pencapaian di mana pergerakan pencapaian individu bergantung kepada kemungkinan berjaya kerja dan tarikan kerja serta jaminan masa depan. Sebab-sebab utama kemerosotan:

1. Penarikan diri
2. Mendapat kerja lain.

1. Penarikan diri

Ini berlaku kerana RTB tidak dapat mewujudkan 'satisfaction of want', di mana 41 orang tidak menamatkan tempoh 5 tahun manakala 24 orang masih belum kembali ke RTB (kedudukan peserta, Carta 3).

ii. Mendapat kerja lain

Diandaikan mereka yang telah keluar telah mendapat kerja lain, dari data responden, menunjukkan kerja yang pernah mereka lakukan dan pendapatan.

JADUAL 30: Pekerjaan dan Pendapatan Semasa Keluar RTB

Pekerjaan	Bilangan	%	Pendapatan		
			200-299	300-399	400-499
Buruh	7	35	3	1	3
Kilang	6	30	4	2	
Kakitangan Kerajaan	4	20		3	1
Kampung	1	5	1		
Bijih	1	5		1	
Jumlah	20	100	9	7	4

Sumber: Data responden

Dari jadual, 35% bekerja sebagai buruh terutama di Singapura dengan 3 orang memperolehi pendapatan \$400-\$499 manakala kakitangan kerajaan memperolehi pendapatan tetap antara \$300-\$399. Jelasnya faktor pendapatan rendah di RTB mendorong mereka mendapat pekerjaan lain.

CARTA 3 KEDUDUKAN PESERTA DARI 1.1.1970 - 1.1.1986



Skel:

Menegak 2.5 cm : 1 ora

Mendatar 10 cm : 1 tahun

4.14 Kemudahan Sosial dan Infrastruktur

RTB bertujuan menyediakan persekitaran baru bagi peserta, beberapa kriteria diambil kira dari sudut kemudahan sosial dan infrastruktur.

Perumahan telah disediakan pada tahun 1977, rumah yang sederhana besar, terdiri dari 2 bilik tidur, dapur, bilik air dan tandas. 96% peserta puas hati dengan keadaan rumah masa kini berbanding 86% orang yang tidak puas hati dengan keadaan rumah di kampung.

Berhubung dengan keluasan tanah, 84% puas hati dengan tanah seluas 4.5 ekar berbanding 12% tidak puas hati kerana dianggap kecil. Semasa di kampung, 68% tidak puas hati dengan keluasan tanah kecil manakala 32% puas hati. Pada masa kini persoalan hak milik merupakan perkara pokok yang tidak memuaskan peserta.

Kemudahan bekalan air, 58% puas hati semasa di kampung manakala 42% tidak puas hati, bagi RTB, 78% puas hati manakala 22% tidak puas hati kerana tekanan rendah di kawasan mereka, bagi elektrik, 58% puas hati dengan kemudahan semasa di kampung berbanding 42% tidak puas hati, bagi RTB, tidak ada kemudahan elektrik di mana mereka bergantung kepada generator kecil yang dibeli secara ber-kongsi. Keseluruhan peserta tidak puas hati dengan elektrik.

Kemudahan jalanraya, di kampung, 54% puas hati dan 46% tidak puas hati, bagi RTB, 66% puas hati dan 34% tidak puas hati kerana jalan tidak diturap keseluruhannya, kemudahan tandas pula, 64% tidak

puas hati dan 36% tidak puas hati semasa di kampung berbanding 96% puas hati di RTB.

Kemudahan lain tidak terdapat di RTB tetapi terdapat di Pekan Lasah yang jauhnya lebih kurang 3.5 km seperti Pusat Kesihatan Kecil, kemudahan persekolahan yang terpaksa mengadakan 2 sesi kerana tidak mampu menampung bilangan murid yang ramai, sebuah bangunan tambahan juga telah dibina (gambar 3). Pihak pentadbir juga telah menyediakan kemudahan pengangkutan ke sekolah (gambar 4). Kemudahan sosial lain juga telah disediakan seperti surau, dewan, dan padang permainan.

4.15 Pembangunan Komuniti Di RTB

Menurut (G.A. Hillery, 1955: 111), untuk membentuk satu komuniti mesti memiliki ciri "common area, common ties and social action", 3 ciri penting itu kawasan sama, hubungan action.

i. Kawasan sama

Mereka menetap di kawasan berhampiran dan rumah berdekatan antara satu sama lain, oleh itu tidak ada halangan dari segi kawasan, 100% responden mengenali antara sau sama lain.

ii. Hubungan sama

Ini dapat dilihat dari latar belakang ekonomi petani yang sama dan umur yang sama, pada peringkat awal 75% kerap balik kerana obligasi sosial, kerja kampung dan bosan.



Gambar 3: Bangunan Tambahan Sekolah



Gambar 4: Kemudahan Pengangkutan Persekolahan

65% pulang kerana membantu keluarga dalam aktiviti ekonomi dan sosial seperti kenduri perkahwinan dan sebagai. Pada masa kini mereka kurang balik di mana 80% balik bila ada hal-hal mustahak, ini menunjukkan mereka telah dapat menerima keadaan persekitaran sosial yang baru di mana hubungan sesama mereka adalah baik.

iii. Sosial action

3 aspek utama dalam konteks ini ialah interaksi antara peserta, interaksi peserta dengan pentadbir dan kegiatan peserta.

1. Interaksi antara peserta

Mereka mempunyai latar belakang bangsa, budaya dan negara yang sama dan mengamalkan institusi yang sama seperti kenduri. Fungsi institusi ialah sebagai tempat pertemuan menjalankan kegiatan.

2. Interaksi dengan pentadbir

Pentadbir dan peserta ada hubungan 'complimentary'. Pentadbir bertugas mentadbir dan peserta memerlukan technological dan sosial leader. Pada masa kini pengurus telah dapat menyesuaikan diri dengan peserta. Walau bagaimanapun peserta tidak ada kontek dengan pihak atasan, ini melemahkan interaksi sosial dengan pentadbir.

3. Kegiatan peserta

3 faktor penting dalam kegiatan ialah sumbangan tenaga, yuran dan sokongan moral, sumbangan tersebut dilakukan melalui pertubuhan sosial, politik dan badan-badan agama. Melalui

pertubuhan sosial dan kebajikan am peserta (PESKAP) yang telah ditubuh pada 11 November 1976 dengan tujuan membantu ahli-ahli dan menanam sifat kerjasama serta mengambil bahagian dalam kegiatan di rancangan (Perlembagaan PESKAP, 1976: 1), peserta menyumbangkan tenaga dan yuran sebanyak \$5 setahun. Melalui penglibatan dalam persatuan ini dapat mengeratkan hubungan peserta.

Melalui pertubuhan lain seperti koperasi, iaitu ditubuh oleh peserta bagi mereka menghadapi masalah kewangan. Melalui koperasi, mereka membuka sebuah kedai dan diurus oleh ahli yang dipilih, dengan cara ini peserta boleh mengambil barang dengan membuat pemotongan gaji.

Pertubuhan politik yang terdapat di RTB II ialah UMNO (United Malays Nasionalism Organisation) di mana majoriti peserta menjadi ahli, melalui pertubuhan tersebut, berbagai aktiviti telah dijalankan oleh peserta seperti sukan, kelas-kelas agama dan kelas tambahan kepada murid-murid. Aktiviti yang dijalankan adalah penting kerana ia boleh mengeratkan hubungan sesama peserta di samping mengisi masa lapang.

BAB 5KESIMPULAN5.1 Rumusan dan Kesimpulan

Telah dibahaskan bahawa program pembangunan Malaysia selepas merdeka menekankan kepada bidang pertanian khasnya pembangunan desa, ini dibuktikan dari peruntukan besar dalam Rancangan Malaysia Pertama (1966-1970) bagi sektor pertanian berjumlah \$1,114.1 juta dan meningkat kepada \$1,920.80 juga dalam Rancangan Malaysia Kedua (1970-1975). Program dalam sektor pertanian memberikan keutamaan kepada program pembukaan tanah yang telah dianggap strategi penting mengatasi kemunduran sosio-ekonomi desa dengan peruntukan bagi rancangan pembukaan tanah berjumlah \$363.6 juta dalam Rancangan Malaysia Pertama dan meningkat kepada \$908.65 juta dalam Rancangan Malaysia Kedua. Peruntukan bagi rancangan Tanah Belia pula berjumlah \$8.1 juta dalam Rancangan Malahsia Pertama meningkat kepada \$74.33 juta dalam Rancangan Malaysia Kedua.

Kajian ke atas RTB telah menunjukkan usaha ke arah pembangunan telah menepati pendekatan "deffusionist" dengan memoden sektor desa melalui "aplikasi" sains dan teknologi, lebih banyak tanah dibuka bagi tujuan pertanian dan diurus dengan teknik moden (Lim; 1976, 208). Dalam pendekatan diffusionist telah dinyatakan bahawa, "The Central problem in development is increasing productivity...", (A.E. Haven; 1971, 260). Oleh itu ketidakeffisienan organisasi, kekurangan modal, rendahnya teknologi diatasi melalui

'Captive Project', iaitu pembukaan kawasan luas dengan tanaman jualan dengan tujuan meningkatkan taraf sosio-ekonomi, dalam rangka strategi RTB, teori diffusionist yang cuba dipraktikkan didapati tidak berjaya kerana tahap 'diffuse' teknologi, kemahiran dan latihan berada pada tahap yang rendah, alat-alat pengeluaran masih 'simple' seperti cangkul dan parang manakala aspek penggunaan teknologi seperti kejenteraan tidak banyak digunakan dan terbatas kepada penggunaan trektor dan lori, manakala aspek kejenteraan lebih banyak dikendalikan oleh kakitangan jabatan pertanian, usaha-usaha 'diffuse' teknologi melalui penggunaan baja, racun dan benih-benih baru menampakkan kejayaannya.

Kemajuan sosio-ekonomi di RTB didapati mempunyai korelasi dengan kelincinan pentadbiran. Dalam usaha mengatasi pengangguran belia di mana dalam tahun 1966 tingkat pengangguran ialah 6.5% telah meningkat kepada 8% pada tahun 1970 dan melibatkan 64% beliau berusia 15 - 25 pada tahun 1962 dan meningkat kepada 75% pada tahun 1967 (RM2, 1971-75: 99), dan pengangguran merupakan masalah sosial yang serius di Malaysia (Economic Report, 1972: 32), Penubuhan RTB II hanya dapat menampung sejumlah kecil Belia Perak malahan selepas 1970 tidak terdapat RTB baru dibuka (Lampiran 9 Keratan Akhbar), matlamat memberi peluang pekerjaan bagi mengatasi masalah pengangguran juga tidak berhasil di mana terdapat mereka yang keluar khasnya di peringkat awal serta masalah under-employment dalam mengerjakan ladang terutama semasa sistem blok.

Penubuhan RTB juga untuk mengatasi masalah kemiskinan di desa di mana dalam RM I, objektif ialah untuk meningkatkan "sosial well being" penduduk desa dan kumpulan berpendapatan rendah melalui peningkatan produktiviti. Dalam RM 2. selaras dengan Dasar Ekonomi Baru iaitu mengurang dan seterusnya membasmi kemiskinan dengan menambah pendapatan dan membanyak peluang pekerjaan kepada semua rakyat Malaysia tanpa mengira kaum (RM 2; 1971: 1), berdasar keadaan di RTB, pendapatan adalah rendah dan tidak mencukupi serta tidak tetap, ini bermakna usaha menghapus kemiskinan melalui peningkatan pendapatan tidak berjaya kerana majoriti peserta berpendapatan \$200-\$299.

Matlamat Dasar Ekonomi Baru untuk mempercepatkan proses penyusunan semula masyarakat Malaysia bagi memperbaiki keadaan ekonomi yang tidak seimbang supaya dapat mengurang dan seterusnya menghapuskan pengenalan kaum mengikut fungsi-fungsi ekonomi (RMK, 1971: 1) juga tidak berjaya kerana penyertaan di RTB terdiri dari belia Melayu sahaja.

RTB juga tidak dapat menyediakan keperluan tanah kepada peserta di mana masalah tanah ketara selepas merdeka (Lim 1975: 85) di mana 70% pemilikan tanah adalah kurang dari 5 ekar adalah tidak ekonomik, ini bermakna peruntukan tanah seluas 4.5 ekar malah tidak memadai walaupun keluasan ditambah kepada 10 ekar di Perlop 5, tetapi masalah yang akan timbul ialah kawasan baru itu terpisah dari lot-lot lama, ini akan menimbulkan masalah dalam penyediaan ladang dan penggunaan jentera.

Dari aspek penyediaan infrastruktur dan kemudahan asas, banyak kemajuan didapati melalui pentadbiran baru, walau bagaimanapun RTB II masih memerlukan keperluan-keperluan tersebut khasnya pada jangka masa depan apabila pertambahan penduduk berlaku, begitu juga dari segi pembentukan satu komuniti baru tidak merupakan satu perkara yang sukar kerana peserta telah dapat menyesuaikan diri dalam persekitaran baru, oleh itu matlamat pembentukan komuniti baru di RTB II sebenarnya telah berjaya.

Jelasnya kegagalan dalam mempertingkatkan kedudukan sosio-ekonomi RTB II bertepatan dengan hipotesis yang telah dibuat, iaitu "kejayaan sosio-ekonomi RTB II berkait rapat dengan kelincinan pentadbiran", ini jelas kerana pada peringkat awal RTB, berdasarkan teori-teori pengurusan, pengurus kurang membuat keputusan penting dalam pentadbiran kerana kuasa ialah dalam jawatankuasa besar dan peserta tidak terlibat dalam membuat keputusan penting di RTB II, krisis peserta dan pentadbir menunjukkan rasa tidak puas hati peserta terhadap pentadbir, ini dapat diperjelaskan dari segi kurangnya motivasi bekerja dan kurang pergerakan pencapaian di kalangan peserta, beserta dengan kurangnya insentif dari segi material, pengeluaran ladang adalah terlalu rendah, di mana pengeluaran rendah tidak kerana faktor kesuburan pokok tetapi kerana pengurusan yang tidak cekap dan kurang motivasi bekerja menyebabkan hasil tidak dapat dikeluarkan. Melalui pentadbiran masa kini, masalah tersebut telah dapat diatasi melalui insentif pembahagian pendapatan yang memuaskan hati peserta,

oleh itu faktor pentadbiran adalah penting dalam menentukan kejayaan di RTB di mana ia merupakan titik-tolak kepada sebarang perubahan, dalam kemajuan sosio-ekonomi RTB II.

Keadaan di RTB II dapat dikait dengan teori 'structural dependency' di mana keadaan ekonomi peserta bergantung kepada kedudukan permintaan dan penawaran kelapa sawit di pasaran dunia, oleh itu kesan pergantungan Malaysia kepada negara pengimport utama telah menjadikan negara ini 'satelite' kepada pusat metroplis negara maju, di peringkat kebangsaan pula, RTB II merupakan satelite kepada bandar-bandar utama di mana RTB II kekurangan kemudahan infrastruktur dan kemudahan asas berbanding di bandar; keadaan di RTB juga menunjukkan tentang bahayanya strategi RTB II yang mengutamakan tanaman sejenis (monocrop) iaitu kelapa sawit kerana ia mendedahkan peserta kepada kedudukan ekonomi yang tidak dapat dijangkakan pada masa hadapan.

5.2 Cadangan

Terdapat beberapa cadangan yang praktikal untuk dilaksanakan bagi memperbaiki keadaan di RTB II.

Persoalan utama yang perlu diperhatikan di RTB II ialah berhubung dengan usaha memperbaiki pentadbiran, ini adalah kerana dengan keadaan pentadbiran yang memuaskan hati semua pihak maka RTB II dapat berjalan dengan lancar, sejarah di RTB II sendiri telah membuktikan keadaan ini, aspek pentadbiran yang perlu diperbaiki ialah berhubung

dengan penglibatan pentadbiran dalam kehidupan sehari-hari peserta, ini bermakna pihak pentadbir harus menyedari hakikat bahawa mereka adalah sebahagian dari anggota masyarakat di tanah rancangan. Melalui penyertaan mereka dalam kegiatan sosial di RTB II akan dapat mengeratkan perhubungan peserta dan pentadbiran dan ini akan memudahkan pentadbir rancangan mendapat maklumat dan menyedari masalah yang dihadapi oleh peserta.

Berhubung dengan aspek pentadbiran juga, peserta seharusnya diberi kuasa dan suara dalam membuat keputusan penting di rancangan, ini bermakna badan perwakilan yang telah dibentuk oleh peserta harus dibawa berunding dan menerima pandangan dan pendapat mereka yang menyuarakan pandangan bagi pihak peserta, dengan cara ini sebarang keputusan yang dibuat tidak semata-mata berdasarkan pandangan dari sebelah pihak (pentadbir) manakala di satu pihak lain (peserta) pandangan mereka tidak diterima sedangkan keputusan-keputusan yang dibuat itu menyentuh persoalan peserta, walaupun ini bermakna perlunya perubahan dalam dasar di peringkat atasan supaya sanggup 'melonggarkan' kuasa yang ada pada mereka berhubung dengan kawalan ke atas RTB II, berdasarkan berita terbaru, pihak kerajaan negeri kelihatannya mahu menyerahkan soal hak milik tanah kepada peserta (Lampiran 10, keratan akhbar), keadaan ini membolehkan peserta bertanggungjawab sepenuhnya ke atas lot-lot mereka, perkembangan ini dirasakan amat mengembirakan kepada peserta.

Aspek kedua penting di RTB II yang perlu diperbaiki ialah berhubung dengan pengendalian dan pengurusan ladang, ini adalah kerana aspek ekonomi penting dalam rancangan tanah, lantaran itu persoalan penyediaan input pertanian perlu diambil berat termasuk aspek penyediaan baja, racun dan alat-alat ganti jentera, melibatkan juga bagaimana input itu dapat disediakan dengan cekap, di samping itu aspek teknologi perlu dimajukan di RTB II dengan melibatkan peserta dalam usaha pengendalian jentera dan ladang, keadaan tersebut penting dalam usaha menyediakan asas dan kemahiran kepada peserta bagi membolehkan mereka menguruskan sendiri ladang pada masa hadapan.

Dalam memastikan pengurusan ladang yang cekap, peraturan perlu dikuatkuasakan, ini termasuklah berhubung keberkesanan kerja yang dilakukan oleh peserta dan sejauh mana tumpuan dan daya usaha mereka ke atas RTB. Proses-proses pengeluaran ladang perlu diteliti supaya hasil kelapa sawit dapat dikeluarkan dengan cekap dan mengelakkan pembaziran, usaha juga perlu dilakukan untuk mencegah kemusnahan pokok kelapa sawit akibat serangan gajah-gajah liar.

Dalam proses pemasaran pula, usaha-usaha perlu dilakukan bagi mendapatkan pasaran baru bagi kelapa sawit untuk mengelakkan pergantungan kepada sesebuah kilang kelapa sawit seperti pada masa kini di mana penjualan kelapa sawit hanya kepada kilang kelapa sawit Fong Lee di Lasah.

Berhubung dengan pendapatan peserta pula, usaha-usaha perlu dilakukan untuk meningkatkan pendapatan peserta, termasuklah mempelbagaikan sumber pendapatan dan tidak terlalu bergantung kepada kelapa sawit, oleh itu usaha-usaha sampingan perlu dilakukan oleh peserta sendiri terutama usaha menanam tanaman jualan, menternak binatang atau bermiaga, usaha-usaha itu di samping dapat menambah pendapatan juga boleh mengurangkan perbelanjaan seharihan.

Pembentukan satu komuniti baru di RTB II akan lebih bermakna jika terdapat keadaan persekitaran yang baik, termasuklah dari aspek penyediaan kemudahan asas dan infrastruktur, antara kemudahan yang sangat diperlukan ialah kemudahan elektrik, di samping itu kemudahan lain perlu disediakan seperti telefon dan keadaan jalanraya yang lebih baik di beberapa tempat. Keperluan kemudahan asas dan infrastruktur akan lebih ketara pada masa depan apabila berlakunya perkembangan penduduk yang memerlukan lebih banyak kemudahan tersebut.

Penyediaan kemudahan asas dan kemudahan sosial lain juga perlu diikuti oleh usaha dari kalangan perta sendiri untuk memajukan setiap persatuan yang terdapat serta menjalankan aktiviti sosial mereka. Keadaan ini memerlukan perubahan sikap daripada peserta bagi membolehkan terbentuk satu komuniti yang bersatu padu dan hidup dalam aman dan damai serta menganggap tanah rancangan sebagai petempatan kekal untuk mereka, oleh itu pelbagai kegiatan dapat dilaksanakan oleh peserta sama ada dari aspek ekonomi dan sosial

bagi tujuan mengeratkan perpaduan sesama mereka di samping memberi peluang bertukar fikiran dan mengisi masa lapang. Persatuan kebijakan yang terdapat di RTB II perlu memperluas kegiatan mereka membantu isteri-isteri peneroka yang telah kematian suami kerana daripada maklumat yang diterima dari kajian, persatuan seperti PESKEP tidak berusaha mengatasi masalah mereka bahkan persatuan itu sendiri sudah tidak aktif, keadaan ini sudah tentu merugikan peserta sendiri. Dalam bidang ekonomi pula, usaha perlu dilaku oleh peserta untuk mengelakkan pengaliran keluar wang mereka secara berbelanja di bandar-bandar berdekatan, keadaan ini dapat dilakukan dengan menujuhkan syarikat kerjasama yang menjual segala keperluan peserta; sama ada barang-barang keperluan harian hingga barang tahan lama, usaha usaha ini adalah perlu memadangkan kekerapan peserta berbelanja terutama di waktu keadaan harga kelapa sawit tinggi, dengan ada syarikat kerjasama tersebut, peserta tidak perlu lagi keluar ke 'Pekan' seperti Lasah atau Sungai Siput untuk membeli-belah sebaliknya membelanjakan pendapatan mereka di kedai/syarikat kerjasama di rancangan. Usaha ini perlu mendapat kerjasama dari pihak pentadbir dengan menyediakan tapak dan bantuan kewangan di peringkat awal, bantuan juga boleh diminta dari badan-badan lain yang menawarkan kemudahan pinjaman seperti bank/institusi kewangan. Dengan adanya tempat untuk berbelanja di rancangan tanah sendiri, kedudukan ekonomi peserta dapat diperteguhkan.



JABATAN PERTANIAN NEGERI
PERAK, IPOH.
PEJABAT PERTANIAN,

30632 IPOH.

531957

Telefon: Samb:428

Ruj. Tuan:

Ruj. Kami: Bil.(80)dlm. P.P.N.Pk. (RTBK)
1/68

Tarikh: 22 Jamadilawal, 1407
22 Januari, 1987

Encik Rozazat Ramli,
Jabatan Anthropologi & Sosiologi,
Fakulti Sastera & Sains Sosial,
Universiti Malaya,
59100 KUALA LUMPUR.

Tuan,

PERMOHONAN MENDAPATKAN DATA-DATA KOS
PERBELANJAAN KE ATAS RANCANGAN TANAH
BELIA PERLOP II LASAH, SUNGAI SIPUT (U)

Adalah merujuk kepada perkara di atas dimaklumkan bahawa maklumat-maklumat tersebut tidak dapat dibekalkan kepada tuan kerana ianya sulit dan tidak dapat disebarluaskan kepada mana-mana pihak.

2. Memandangkan projek ini adalah projek kerajaan negeri dan Jabatan Pertanian hanya merupakan agensi pelaksana sahaja, kebenaran untuk memperolehi maklumat mestilah diperolehi daripada kerajaan negeri terlebih dahulu. Sehingga kini didapati pihak tuan telah menjalankan kajian tetapi tuan tidak mengikut saluran-saluran tertentu. Ini menyebabkan pihak tuan sendiri menghadapi masalah.


3. Pihak tuan dikehendaki menghantar satu salinan thesis kepada pejabat ini apabila kajian ditamatkan.

Sekian dimaklumkan. Terima kasih.

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'

Saya yang menurut perintah,

STRATEGI PEMBANGUNAN TANAH DI MALAYSIA
KHUSUS DI SEKTOR AWAM SEHINGGA 1973



Sumber: Disusun oleh penulis sendiri dari maklumat-maklumat yang diperolehi dari Kementerian Tanah dan Galian, Kuala Lumpur, Kementerian Pembangunan Luar-bandar dan Jabatan Perdana Menteri.

BIBLIOGRAFI1. Buku-buku yang menjadi rujukan kajian

Ahmad Mahdzan Ayob (1983), Kaedah Penyeledikan Sosio-ekonomi, Suatu Pengenalan, Dewan bahasa dan Pustaka (DBP), Kuala Lumpur.

Atkinson J.W. & Feather N.T. (1966), A Theory of Achievement Motivation, Wiley & Sons, New York.

Batten T.R (1967), Communities and Their Development, Oxford University Press, London.

Colun G & Geiger T. (1962), Country Programming To Development, Development of The Emerging Country, An Agenda For Research, Brookings Institution, Wash. D.C.

Frank A.G. (1971), Capitalism And Underdevelopment in Latin America, Penguin Press, Gt. Britain.

Hilal J. (1970), Sociology of Development, Durham University, Durham.

Jones G.N (1969), Planned Organization Change, A Study in Dynamic, Frederick A. Preager Inc. New York.

Kuvlesky W.J. (1971), "Rural Youth" - Current Status And Prospects dlm. D. Gottlieb (ed.) Youth in Contemporary Society, Sage Publication, London.

Lee P.C. & Panton W.P. (1971), First Malaysian Plan Capability Classification Report, West Malaysia, Economic Planning Unit, Prime Minister Department Malaysia, Jabatan Cetak Kerajaan, Kuala Lumpur.

Lim, D (1975), Reading On Malaysian Economic Development, Oxford University Press, Kuala Lumpur.

Lim Sow Ching (1976), Land Development Scheme In Peninsular Malaysia, A Study of Benefits and Costs, Rubber Institute of Malaysia, Rajiv Printers, Kuala Lumpur.

McClelland D.C. (1961), The Achieving Society Van Hustand, Princeton.

Nash, M. (1966), Primitive And Peasant Economic System, Chandir Publishing Co., Scranton.

Shamsul Amri Baharuddin (1977), RMK, Tujuan dan Pelaksanaan, Satu Penilaian Teoritis, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Kuala Lumpur.

2. Jurnal dan Penerbitan Berkala

Haven A.E., "Methodological Issues In The Study of Development dlm. Sociologis Ruralis, Vol. 12, 1972.

Hillery G.A., "Definition of Community Areas of Agreement In Rural Sociology, Vol. 20, 1955, Kentucky University- Kentucky.

Nash, M., Introduction Approach to the Study of Economic Growth dlm. Journal of Social Issue, Vol. 29, No. 1, 1963.

Nik Abdul Rashid, Unsur-unsur Penting Dalam Proses Pengurusan dlm. Syarahan Felda, Satu Pengenalan Ringkas Terhadap Masyarakat Desa, dari segi Structur dan Organisasi dan Masalah, Monogrof 2, Sharifah Zaleha Hassan dan Mohd Dahlan Hj. Aman (ed.), Monogrof 2, 1975 Jabatan Antropology dan Sosiologi, Universiti Kebangsaan Malaysia, Kuala Lumpur.

Robert Ho, "Land Settlement Projecck In Malaya, An Assessment of The Rule of FLDA. Journal of Tropical Geography, Vol. 20, June 1965.

Syed Husin Ali, "Rancangan Tanah FELDA, Beberapa Aspek Ekonomi dan Sosial, Journal Manusia dan Masyarakat, No. 3, 1974 Keluaran PASUM, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Ungku Abdul Aziz Abdul Hamid, "Poverty Protein and Disguised Starvation" dlm. Kajian Ekonomi Malaysia, Vol. 1, No. 1, Jun 1964.

3. Laporan, Statistik, Kertas Kerja dan Lain-lain Penerbitan

Gerakan Belia 4B Malaysia, Buku Hijau Gerakan Belia 4B Malaysia, Ibu Pejabat Gerakan Belia 4B Malaysia, Kuala Lumpur, 1972.

Gerakan Belia 4B Malaysia, Apa Dia Gerakan Belia 4B Malaysia,
Yayasan Anda, Kuala Lumpur, 1972.

Malayan Census of Agriculture, 1960, Preliminary Reports
dikutip oleh L.T. Joseph, "Problem of Agriculture in Wang
Gang Wu Ieds) Malayan: A Survey, London, 1964.

Malayan, Population and Housing Census of Malaysia Field Count
Summary, Dept. of Statistics, Kuala Lumpur, 1971.

Malaysia, Industrial Court, Award, No 8/68, Industrial Cases,
No. 7 and 9 of 1947, between Malayan Agriculture Producers
Association and National Union of Plantation Workers, Kuala
Lumpur, Handed down on 23 March 1968.

Mohd Daud, "Pemasaran minyak sawit, satu kertas kerja di Seminar
Peneroka 1978, 18hb - 23hb Ogos 1975 Universiti Malaya,
Kuala Lumpur.

Pejabat RTB, Perak, Tingkat 6, Bangunan Kerajaan Negeri, Jalan
Panglima Bukit Gantang, Ipoh, Perak.

Pejabat RTB II, Perlop Lasah, Sungai Siput (U) Perak.

Surat Perjanjian Kemasukan Projek Tanah, Kawasan Petempatan
Berkelompok 1970.

United Nation, The Community Development Approach to Land
Settlement, United Nation Publication, New York 1966.

4. Kerajaan Malaysia

Rancangan Malaysia kedua, Percetakan Kerajaan, Kuala Lumpur, 1971.

Rancangan Malaysia Ketiga, Percetakan Kerajaan, Kuala Lumpur, 1972.

Laporan Ekonomi, Percetakan Kerajaan, Kuala Lumpur 1972.